



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:** [Ruangan 2157J

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 2157]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2157]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2158]

Cuti Y.B. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah—Kebenaran [Ruangan 2161]

**URUSAN MESYUARAT** [Ruangan 2159]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** [Ruangan 2161]

**USUL:**

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 2190]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 2191]

Rang Undang-undang Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan) [Ruangan 2225]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) [Ruangan 2227]

MALAYSIA

**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL PERTAMA

Hari Isnin, 5hb Januari, 1976

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 230 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

**Yang Berhonnat DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).**

- „ **TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).**  
**TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).**  
**TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).**
- „ **DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).**  
**DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).**  
**DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).**  
**TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).**  
**TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).**
- „ **TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).**  
**TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).**  
**DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).**
- „ **PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).**
- „ **RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).**
- „ **TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).**
- „ **DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).**  
**PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).**  
**DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).**  
**TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).**
- „ **DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).**
- „ **WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).**
- „ **DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K Datuk Kaya Pati (Dilantik).**
- „ **PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).**

**YANG TIDAK HADIR:**

**Yang Berhonnat DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).**

- „ **TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).**
- „ **DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K. A.M.N. (Dilantik).**  
**TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).**
- „ **TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).**
- „ **DR LIM KENG YAIK (Dilantik).**
- „ **DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).**
- „ **TUAN TING MING HIA (Sarawak).**
- „ **CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).**

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).**
- Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).**
- „ **Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).**
- „ **Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).**
- Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).**
- „ **Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIAN SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).**
- „ **Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.**

**Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.**

**Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.**

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji **Abd. Hamid**

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

**Penyunting: Yahya Manap.**

**Penolong Penyunting: P. B. Menon.**

**Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.**

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.  
Louis Yeoh Sim Ngoh.  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.  
Rani bin Rahim.  
Suhor bin Husin.  
Amran bin Ahmad.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Margaret Chye Kim Lian.  
Quah Mei Lan.  
Puan Kong Yooi Thong.  
Juliah binti Awam.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin **Md. Saad.**

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah.

## PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA MENGALUKAN AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli baru yang mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
- (2) Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
- (3) Akta Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975);
- (4) Akta Kastam (Pindaan);
- (5) Akta Matawang Malaysia (Ringgit);
- (6) Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan);
- (7) Akta Penstabilan Harga Getah;
- (8) Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama);
- (9) Akta Peguambela (Pindaan);
- (10) Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan);
- (11) Akta Senjata (Pindaan);
- (12) Akta Mahkamah Rendah (Pindaan);

- (13) Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2);
- (14) Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan);
- (15) Akta Binatang (Pindaan);
- (16) Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan); dan
- (17) Akta Pencen (Sarawak) (Pindaan).

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*{Setiausaha membacakan Perutusan}*

"19hb Disember, 1975.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya;

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan, 1976;
- (2) Rang Undang-undang Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah;
- (7) Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Membaharu Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian);
- (9) Rang Undang-undang Profession Undang-undang;
- (10) Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan);
- (11) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan dan Perluasan);

- (12) Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No. 2);
- (13) Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Menghapuskan Samsu Gelap);
- (14) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 3);
- (15) Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Di Luar Negeri;
- (16) Rang Undang-undang Wasiat (Pindaan);
- (17) Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan);
- (18) Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);
- (19) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan;
- (20) Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa;
- (21) Rang Undang-undang Bendapurba;
- (22) Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan);
- (23) Rang Undang-undang Kontrek (Pindaan);
- (24) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) (Pindaan);
- (25) Rang Undang-undang Syarikat Koperasi (Pindaan dan Perluasan);
- (26) Rang Undang-undang Makhhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan-tumbuhan Berbahaya;
- (27) Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan);
- (28) Rang Undang-undang Majlis Penyelesaian Seni Mempertahankan Diri;
- (29) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
- (30) Rang Undang-undang (Pembubaran) Amanah Perumahan;
- (31) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan); dan
- (32) Rang Undang-undang Letrik (Pindah-milik Pemasangan Letrik).

*Tandatangan:*  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat."

## URUSAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya semua Rang Undang-undang yang tersebut itu dibacakan

Kali Yang Kedua dan Ketiga di Mesyuarat ini. Rang Undang-undang itu adalah seperti di bawah ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1976;
2. Rang Undang-undang Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah;
7. Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian);
9. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang;
10. Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan);
11. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan dan Perluasan);
12. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No. 2);
13. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Menghapuskan Samsu Gelap);
14. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 3);
15. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Di Luar Negeri;
16. Rang Undang-undang Wasiat (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa;
21. Rang Undang-undang Bendapurba;
22. Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan);
23. Rang Undang-undang Kontrek (Pindaan);

24. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) (Pindaan);
25. Rang Undang-undang Syarikat Kope-ratif (Pindaan dan Perluasan);
26. Rang Undang-undang Makhluk Pe-rosak Pertanian dan Tumbuhan-tum-buhan Berbahaya;
27. Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan);
28. Rang Undang-undang Majlis Penye-liaan Seni Mempertahankan Diri;
29. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
30. Rang Undang-undang (Pembubaran) Amanah Perumahan;
31. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan); dan
32. Rang Undang-undang Letrik (Pindah-milik Pemasangan Letrik).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### **CUTI Y.B. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH -KEBENARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah selama dua tahun mulai 15hb September, 1975.

#### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

##### **KENAIKAN HARGA BARANG KEPERLUAN**

**1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Perdagangan dan Perindas-trian menyatakan sebab-sebab kenaikan harga barang-barang setiap tahun menjelang dan semasa bulan puasa dan hari raya.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa faktor yang menyebabkan kenaikan harga barang-barang keperluan setiap tahun menjelang dan semasa bulan puasa dan hari raya. Sebab pertama ialah bertambahnya permintaan barang-barang itu dan pembelian yang ber-

lebih daripada biasa oleh pengguna-pengguna pada tempoh tersebut. Keduanya, kebanyakan daripada barang-barang keperluan pada keseluruhannya adalah diimpot, dan harga barang-barang ini adalah tertakluk kepada kedudukan pengeluaran dan bekalan barang-barang itu di negeri-negeri pengekspot. Kesan kenaikan harga barang-barang tersebut di negara-negara pengekspot melibatkan kenaikan harga di negara ini.

Selain daripada itu, kenaikan harga barang-barang tersebut ialah disebabkan oleh perbuatan setengah-setengah peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan kerana perubahan permintaan bermusim untuk menaikkan harga barang-barang keperluan.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Di antara beberapa sebab yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri, sebab manakah yang sebenarnya berlaku untuk kenaikan harga barang ini, yang menyusahkan pada masa-masa orang ramai memerlukannya?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Sebabnya yang dikatakan sungguh menjadi-jadi ialah sebab pertama kenaikan harga barang-barang yang dieksport dan juga sebagaimana yang saya telah katakan tadi disebabkan oleh perbuatan setengah-setengah peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengubah ataupun menaikkan harga pada masa barang-barang itu diperlukan sangat pada musim-musim perayaan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Dapatkah Kementerian yang berkenaan ini mengatasi masalah-masalahan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli kita ketika hari raya pada memberikan kemudahan untuk mengatasi masalah kenaikan harga barang-barang ini?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, selepas berlaku perkara ini pada tahun yang lepas, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil beberapa langkah yang tegas, umpamanya mengenakan kawalan-kawalan tertentu, mempergiatkan lagi kempen anti-sorok dengan menjalankan lebih pemeriksaan mengejut, mengadakan perundingan dengan



pengeluar-pengeluar tempatan untuk barang-barang seperti telur, daging, ayam, margarine, gula, tepung, minyak untuk mendapatkan kerjasama menentukan kestabilan harga, dan bekalan barang-barang yang dianggap sangat diperlukan pada masa-masa hari perayaan dan juga diadakan perundingan dengan pengimpot-pengimpot seperti bawang kecil, lada kering, asam jawa, daging dan lain-lain untuk tujuan yang sama. Jika perlu, sebagaimana juga kita telah lakukan pada tahun yang lepas, kita telah isytiharkan barang-barang tertentu yang dianggap sungguh perlu pada hari perayaan sebagai barang yang dikawal dan dengan itu kuatkuasa peraturan undang-undang boleh dikenakan kepada mana-mana pihak yang mengambil tindakan menyalahgunakan kesempatan pada hari perayaan menaikkan harga barang-barang ini dengan sewenang-wenangnya.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada beberapa undang-undang terutama sekali undang-undang kawalan harga barang dan di sini untuk mengawal barang-barang itu bukanlah bermakna barang-barang itu tidak ada tetapi takut kalau dia disorokkan, maka diadakan kawalan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, benda yang dikawal ini harganya tetap dan untuk mereka yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, golongan yang hendak mencari keuntungan samada pengedar ataupun pembuatnya seperti minyak tanah sekarang ini. Minyak tanah sekarang ini boleh dikatakan di mana-mana pun kita dengar dalam suratkhbar kekurangan walaupun harganya tidak boleh dinaikkan kerana dia dikawal dan kalau dia tidak dikawal mungkin harganya lebih melambung lagi. Tetapi pengusaha atau pengeluar minyak-minyak yang seperti ini telah melakukan suatu yang saya rasa menyusahkan orang ramai kekurangan seperti ini, mungkin agaknya dia meletakkan satu jerat sehingga Kementerian ini menimbangkan harganya dinaikkan, maka barang-barang itu melimpah-limpah. Apakah pada pendapat Yang Berhormat Menteri tentang usaha bagi menyusahkan orang ramai sekali pun dia telah dikawal seperti yang berlaku kepada minyak tanah sekarang ini?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Suka saya memberi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan minyak

gas ini. Penjelasan perlu diberi bahawa kekurangan ini bukanlah oleh kerana tindakan pihak-pihak pengeluar menyuruk barang-barang ini ataupun minyak gas, sebabnya kekurangan ini ialah harganya tidak ditetapkan dijual kepada umum iaitu dengan harga 81 sen satu gelen itu adalah harga yang paling rendah sekali. Mengikut kajian dibuat oleh satu jawatankuasa selepas mengkaji kedudukan minyak gas, pengeluarannya, kita dapati bahawa belanja kos pengeluarannya sahaja adalah setakat \$1.20 satu gelen. Jadi, bagi pengusaha-pengusaha ataupun pengeluar menjual minyak gas dengan 81 sen satu gelen itu sudah tentu kerana kos pengeluaran tadi saya katakan setakat \$1.20 satu gelen menyebabkan kerugian yang besar kepada orang-orang yang menjual minyak gas. Walau bagaimanapun, kita memang adakan peraturan malah mengadakan peraturan-peraturan dalam mana pihak-pihak pengeluar mestilah mengeluarkan bilangan minyak gas yang kita anggap mencukupi bagi keperluan ramai dan juga kita mengadakan peraturan dalam mana pihak-pihak pengedar juga perlu mengadakan bekalan minyak gas yang mencukupi supaya dapat mereka membekalkan orang ramai yang memerlukan minyak gas. Jadi, dalam perkara ini kita sentiasa mengawasi perjalanannya dan kalau sekiranya perlu kita akan mengambil tindakan-tindakan yang lain untuk mengatasi masalah kekurangan barang-barang keperluan ini.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya oleh kerana tiap-tiap tahun perkara ini berulang. Bahan-bahan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi akan dikawal itu tidak menjadi masalah, tetapi apa yang menyusahkan rakyat ialah bahan-bahan seperti sayur-sayuran, ikan dan daging-daging pun telah naik, sedangkan sekarang ada Buku Hijau, ada Majuikan yang mana ikan banyak ditangkap dan sebagainya, tetapi apabila dekat perayaan, harga ikan, udang dan sayur naik. Adakah Kementerian atau Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab mempunyai rancangan memanggil guilds, Hawkers' Association, Farmers' Association dan lain-lain dan memberitahu mereka jangan menaikkan lagi harga barang-barang keperluan untuk rakyat ini pada hari perayaan?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya barang-barang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu barang-barang yang sangat-sangat diperlukan oleh orang ramai dan kalau ada kenyataan diberi kepada kita bahawa barang-barang itu dinaikkan harganya dengan tidak berpatutan, maka langkah-langkah sehingga kepada mengisytiharkan barang itu sebagai barang kawalan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal supaya barang-barang itu tidak dinaikkan harga-harganya dengan tidak berpatutan.

Tentang kenaikan harga barang-barang ini sukalah saya menyatakan bahawa sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa keadaan harga barang-barang keperluan yang dijual di dalam negara ini dengan keadaan inflasi secara amnya adalah lebih baik daripada masa yang lepas. Pada masa-masa yang lepas kita mempunyai angka sebanyak 18% di atas kenaikan harga (inflasi) sekarang ini sudah menjunam turun kepada 8%. Jadi, kita berharap keadaan akan bertambah baik lagi pada masa yang akan datang. Tetapi dalam pada itu kalau ada bukti bahawa barang-barang itu dinaikkan harganya dengan tidak berpatutan oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan tidak bertanggungjawab, maka pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

## PENCAK SILAT MELAYU

**2. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada seni mempertahankan diri Melayu, pencak silat telah dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran latihan jasmani di sekolah-sekolah dan jika ya, untuk tingkatan berapa dan jika tidak, mengapa?

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, tidak. Pencak silat adalah sejenis seni mempertahankan diri dan oleh itu tidaklah dimasukkan ke dalam Sukatan Pelajaran Jasmani di sekolah-sekolah. Tujuan Latihan Jasmani untuk murid-murid adalah berlainan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa di universiti kita ataupun di maktab-maktab pengajian tinggi dalam

negeri ini pelajar-pelajarnya mempelajari pencak silat ini? Adakah Kementerian ini sedar?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Itu berkenaan dengan pengajian pelajaran tinggi. Tetapi soalan ini ialah berkenaan dengan sekolah-sekolah.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Adakah ada perbezaan di antara pencak silat ini dengan riadhah ataupun senaman yang digunakan oleh anak-anak kita di sekolah itu pada segi membaiki jasmaninya?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada berlainannya di antara physical exercise dengan pencak silat yang mana ianya lebih hebat sedikit (*Ketawa*). Kalau ada sekolah-sekolah menjalankan latihan silat ini, maka tenaga murid-murid itu akan habis dan mereka tidaklah dapat menumpukan tenaga mereka kepada pelajaran. Kalau mereka sudah dewasa sedikit barangkali silat ini sesuaih bagi mereka itu.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berkata universiti-universiti dengan sekolah-sekolah adalah berlainan. Adakah Timbalan Menteri yang bertanggungjawab itu tahu atau tidak iaitu seni-seni seperti judo, aiki-do, silat gayong, silat pencak, silat berok (*Ketawa*) dan lain-lain ini satu seni kepada negara kita? Apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri itu di sekolah tidak patut dipelajari oleh kerana mereka masih budak-budak lagi. Adakah Timbalan Menteri tahu iaitu di sekolah-sekolah atau universiti-universiti di negeri China dan Jepun, seni ini adalah dipelajari dan amat penting dipelajari oleh tiap-tiap seorang murid?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, itu saya sedar. Berkenaan dengan hal-ehwal negeri-negeri yang lain kita janganlah campur tangan. Apa yang saya mendapat tahu kalau kita mempelajari silat kita mesti ada guru silat yang bersungguh-sungguh mengajar. Dengan itu bolehlah murid-murid mempelajari dengan betul. Jadi buat masa sekarang barangkali kita tidaklah dapat mengadakan guru-guru silat itu untuk mengajar di sekolah-sekolah,

tetapi perkara ini belum diputuskan. Kalau dalam sebuah sekolah menengah ada murid-murid hendak mempelajari silat di dalam waktu biasa atau di luar masa belajar kita adalah memberi galakan kepada mereka. Tetapi satu hal kita mesti ingat kalau mahu belajar dengan baik silat ini mestilah ada guru-guru yang cukup terlatih, kalau tidak barangkali mungkin ada penyelewengan, jadi ahli silat tetapi jadi samsing.

**Raja Daruk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tidak ada guru untuk mengajar silat. Dengan sebab tidak ada guru silat yang sesuai seni ini tidak diadakan di sekolah-sekolah. Jikalau ada guru-guru silat yang boleh mengajar silat yang diiktirafkan oleh Kerajaan pada masa yang akan datang bolehkah atau tidak seni silat ini dimasukkan menjadi satu mata pelajaran di sekolah-sekolah?

**Tuan Chan Siang Sun:** Saya fikir apabila sampai masa itu kita akan timbangkanlah perkara ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu saya ingin membuat soalan tambahan. Menurut keterangannya bahawa silat itu hebat-hebat. Sekarang jenis silat ini banyak. Ada silat hebat, ada silat tidak hebat. Jadi silat tidak hebat ini saya maksudkan supaya daripada saluran silat ini dapat menyemaikan seni kepada rakyat seluruh Malaysia ini iaitu diajarkan silat-silat yang tidak hebat yang berbentuk tarian yang lemah-lembut. Adakah Kementerian dapat memikirkan bahawa pada suatu masa akan datang silat semacam ini perlu diajar kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah menengah?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi apabila masanya sampai kita akan memper-timbangkan perkara itu.

### TUNJUK PERASAAN PENUNTUT MALAYSIA DI AUSTRALIA/NEW ZEALAND

3. **Tuan A. Arunasalam** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) jumlah bilangan penuntut-penuntut Malaysia di Australia dan New Zealand sekarang;

- (b) bilangan penuntut-penuntut yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan terhadap Y.A.B. Perdana Menteri dalam lawatan beliau ke Australia dan New Zealand baru-baru ini dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini terhadap mereka; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh beliau untuk menentukan bahawa kejadian seperti itu, yang telah mencemar nama baik negara dan pemimpin-pemimpin kita, tidak akan berlaku lagi di masa hadapan di mana-mana tempat di dunia ini.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan penuntut-penuntut Malaysia yang berada di Australia sekarang dianggarkan seramai 6,500 orang dan di New Zealand seramai 2,300 orang.
- (b) Bilangan penuntut-penuntut yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatan beliau ke Australia dan New Zealand baru ini adalah sebilangan yang amat kecil dari jumlah kesemuanya pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Australia dan di New Zealand. Buat pada masa ini tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran terhadap penuntut-penuntut yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kerajaan Malaysia tidak menahan sesiapa semata-mata kerana demonstrasi tetapi jika terlibat dengan kegiatan subversive atau jika melanggar undang-undang biasa baharulah tindakan yang sewajarnya akan dikenakan kepada sesiapa yang berkenaan.
- (c) Perkara aktiviti anti-nasional oleh pelajar-pelajar Malaysia diseberang laut akan menjadi satu perkara yang melarat dan berleluasan jika tidak dikawal. Maka Kerajaan sedang mengkaji semula peraturan-peraturan yang ada sekarang bagi pelajar-pelajar Malaysia pergi menuntut di negeri-negeri di seberang laut, dan Kerajaan mungkin akan meletakkan syarat supaya semua pelajar-pelajar Malaysia

yang hendak pergi mesti mendaftarkan diri dengan Kementetrian Pelajaran dan memberi jaminan. Kerajaan juga sedang mengkaji undang-undang negara ini berkenaan dengan perbuatan-perbuatan yang mengancam keselamatan negara yang dilakukan oleh warganegara-warganegara Malaysia di seberang laut. Jika terdapat seseorang pelajar itu benar-benar melanggar undang-undang negeri ini, maka ia boleh ditahan kerana pada mata undang-undang, pelajar-pelajar adalah sama juga seperti orang lain.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mengenai jawapan (b), adakah Kementerian ini telah menerima laporan daripada Kedutaan kita di Australia dan New Zealand yang mengatakan bahawa ada khabar atau kenyataan-kenyataan yang penuntut-penuntut kita di sana akan membuat tunjuk perasaan ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hadir di kedua-dua buah negeri itu?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar atas perkara ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini telah diberitahu oleh Kedutaan kita daripada kedua-dua negeri itu di atas kejadian-kejadian yang berlaku itu?

**Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini. Kita sedar di atas semua perkara mengenai laporan-laporan yang diberikan itu.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri Kita melawat ke Australia dan New Zealand, penuntut-penuntut kita telah membuat tunjuk perasaan dan sebagainya. Jadi tentu sekali hari ini kita dapat tahu iaitu apakah sebab-sebab penting yang menyebabkan penuntut-penuntut kita di sana samada warganegara Malaysia (penuntut Malaysia) ini membuat tunjuk perasaan? Jadi apakah sebab-sebabnya yang penting sekali mereka ini menunjuk perasaan?

**Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya ialah seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ataupun yang tidak sedia maklum bahawa di New Zealand dan juga di Australia penuntut-penuntut yang terbabit di dalam tunjuk perasaan ini adalah kecil sangat bilangannya daripada penuntut Malaysia. Boleh dikatakan di antara 10-15 orang sahaja, dan mereka ini adalah disebabkan dipengaruhi oleh pihak penuntut-penuntut di Australia dan di New Zealand. Mereka ini menunjuk perasaan oleh sebab simpati dengan pihak penuntut Australia dan New Zealand, kerana boleh dikatakan di sana terdapat keadaan tidak waras dari segi politik mereka pada Malaysia. Saya rasa perkara ini tidaklah begitu berat jikalau kita memandangkan kepada angka penuntut-penuntut yang terlibat. Dengan ini adalah terang dan jelas akan sebab-sebabnya iaitu tidak ada sebab yang boleh dikatakan sangat tidak memuaskan hati terhadap negara kita. Ini hanyalah disebabkan yang mereka itu diminta, disuruh atau dipaksa oleh pihak penuntut-penuntut di Australia dan di New Zealand.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa terdapat sedikit penuntut-penuntut kita yang berada di Australia itu, tetapi pada pandangan saya walaupun sedikit perkara itu adalah sangat berat dan patutlah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ini mengambil tindakan yang keras kepada murid-murid yang ada di Australia dan New Zealand itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya?

**Puan Dasimah Dasir:** Tindakan yang berat hendaklah diambil kepada murid-murid yang berada di luar negeri kerana tidak patut sekali mereka membuat tunjuk perasaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita seperti mana yang telah diadakan di Australia dan New Zealand itu kerana ini adalah satu tamparan kepada Malaysia.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas ingatan itu dan kita akan ambil perhatian di atas perkara tersebut.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita bahawa menurut keterangannya Kerajaan sedar dan ada menerima lapuran mengenai sedikitnya penuntut-penuntut kita di Australia dan New Zealand yang menunjukkan perasaan ketika Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri melawat ke sana. Jadi kenapakah Kementerian Luar Negeri tidak menasihatkan Kabinet atau Perdana Menteri supaya ditangguhkan lawatan itu agar keadaan itu tidak menjejaskan kedudukan Perdana Menteri Kita?

**Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri adalah dari segi politik. Jikalau kita memikirkan akan terlibatnya lawatan ini, saya rasa kita tidak akan dapat melakukan apa sahaja dari segi politik. Walau bagaimanapun, kita bersedia oleh sebab perkara ini kita sedar dengan adanya lapuran itu dan untuk mengeratkan lagi perhubungan kita dari segi politik, maka Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sanggup membuat lawatan di kedua-dua buah negeri iaitu Australia dan New Zealand.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri pergi ke Australia dan New Zealand adalah dari segi politik. Jika kita lihat, kita akan tahu bagaimana penuntut-penuntut kita di luar negeri telah membuat tunjuk perasaan dan sebagainya dan juga kita tahu siapa dia yang melakukan tunjuk perasaan itu sekarang. Tetapi yang penting sekali yang saya hendak tahu bagaimana Yang Berhormat Menteri telah menjawab tadi bahawa perkara ini adalah disebabkan hasutan daripada penuntut-penuntut Australia dan New Zealand kepada penuntut-penuntut kita yang sedikit bilangannya yang mana benci kepada Malaysia. Adakah penuntut-penuntut yang benci kepada Malaysia ini terdiri dari penuntut-penuntut yang telah dihasut bahawa mereka ini telah masuk golongan subversif kominis atau ideologi kominis kerana mereka membuat tunjuk perasaan terhadap Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ataupun Iain-lain. Jadi adakah subversif kominis sudah masuk kepada mereka atau tidak?

**Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya sudah jelas, apabila masuk bab iman cuma Tuhan sahaja yang tahu.

#### AKTIVITI SABVERSIF DAN ANTI-NASIONAL

**4. Datuk V Ponnusamy Pillai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan aktiviti-aktiviti sabversif dan anti-national. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan orang ramai bagi menghapuskan golongan orang-orang seperti ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, perjuangan anasir-anasir sabversif dan anti-national adalah satu perjuangan *in toto* dan berterusan dan tidak berputus-putus dan cara Kerajaan menentang mereka itu juga adalah cara *in toto* dan tidak boleh berkeputusan. Jadi, perjuangan menentang gerombolan kominis ini bukanlah hanya menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata kerana ini adalah perjuangan rakyat bersama-sama. Kerajaan juga mengetahui dan sedar bahawa melayan gerombolan kominis ini tidaklah seharusnya dengan menggunakan peluru atau senapang sahaja tetapi ini adalah satu perjuangan ideologi iaitu ideologi tidak boleh dibunuh dengan peluru atau senapang. Oleh itu, untuk menentang ideologi yang sesat ini approach Kerajaan ialah dengan cara integrated, dengan tujuan memberi kepuasan hati, kepuasan pemikiran dan kepuasan perut—not only for the heart and mind but for the stomach as well—dengan cara Perlembagaan dan Rukunegara. Jadi untuk membasmi usaha kominis ini kita berikan tiga cara bertugas dari Kementerian yang menjaga keselamatan iaitu:

- (i) Mematahkan usaha mereka daripada dapat mendirikan apa yang dikatakan United Front—ini sudah berhasil. kalau sekarang sudah tidak ada satu-satu badan yang boleh dikatakan United Front untuk kominis tetapi pada suatu masa dahulu ada, sekarang sudah dihapuskan.
- (ii) Membantutkan pergerakan Assault Unit. Ini pihak pasukan keselamatan sentiasa memburu gerombolan-gerombolan

penganas dan anasir-anasir sabversif di dalam berbagai operasi, seperti pada tahun 1974 Operasi Indera, Operasi Gonzales, sehingga sekarang semua sudah diburu balik berselindung di sebalik sempadan yang tinggalnya sedikit-sedikit sahaja, beberapa pocket. Jadi dari segi assault inipun dapat kita patahkan.

- (iii) Memecahkan infrastructure. Infrastructure maknanya orang-orang yang membantu dan bersimpati dengan mereka, ini kita adakan Operasi Sapu di sana sini, tangkap mana yang kita tahu dan leader-leadernya dapat kita tangkap dan kita akan terus menyapu dan menangkap dan membersihkan keadaan.

Baru-baru ini tersiar dalam suratkhbar di Johor, di Kuala Lumpur, di Ipoh di mana pun kita sudah sapu ataupun tempat menyimpan barang-barang makanan (food dumps) kita cari, kita korek di mana terdapat dan juga memutuskan atau memotong jalan-jalan pembawa surat (carrier routes). Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tindakan rakyat dan Kerajaan, saya rasa tindakan rakyat kerana banyak perkara-perkara ini adalah dengan bantuan rakyat kerana information-information yang didapati ialah daripada rakyat. Oleh kerana kejayaan tindakan rakyat dan Kerajaan maka pada masa sekarang mereka ini mulai reda dan lemah sebab kebanyakan assault unit sudah balik ke sempadan. Jadi, mereka menukar taktik, dengan menggunakan taktik buat menakut-nakutkan orang, dengan cara meletupkan bom di sana sini dengan tidak ada Assault Unit, dengan tidak ada United Front. Tetapi dengan dua tiga orang atau lima enam orang sahaja pecah di situ, pecah di sini membuat kacau. Jadi inilah satu cara yang mereka buat pada masa ini dan lagi satu cara iaitu pukul curi. Menyeberang sempadan masuk ke tempat kita menembak sana, menembak sini, letak land mines, lari. Apabila orang-orang kita buru, ada yang terkena dengan land mines, tetapi mereka lari untuk keselamatan—inilah caranya sekarang perbuatan mereka. Jadi dari segi itu pihak Pasukan Keselamatan sedang berusaha macam mana untuk mengatasi soal orang keluar-masuk pukul curi dekat sempadan dan menjaga betul-betul dengan rapi di sempadan.

Dan juga dari segi rancangan pembangunan hendaklah kita ingat bahawa semua rancangan yang kita buat samada pembangunan dan sebagainya, kerana perjuangan ini ialah satu perjuangan *in toto*, maka Kerajaan menunjukan segala rancangan-rancangan ini sebagai menyambut cabaran kominis dan juga seperti penubuhan RELA dan pelaksanaan Rukun Tetangga telah dapat memberi peluang kepada orang ramai. Biar lagi bertambah kita dapat bersama-sama berganding bahu untuk menentang penjahat-penjahat ini dan diharapkan Ahli Yang Berhormat sendiri bersama-sama membantu sekurang-kurangnya memahami dengan mendalam cara-cara kominis berjuang supaya dapat Ahli-ahli Yang Berhormat membantu mengelakkan hama-hama kominis hinggap di masyarakat.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi pihak rakyat berterima kasih atas penghargaan Kementerian ini bahawa rakyat telah memberikan kerjasama yang penuh pada menjalankan tindakan-tindakan bagi Pasukan Keselamatan. Cuma saya hendak membuat soalan tambahan, apakah tindakan Kementerian ini atau Kerajaan kepada rakyat warganegara yang sentiasa membantu, memberikan pertolongan dan kerjasama kepada gerombolan-gerombolan kominis pada masa ini yang menyebabkan gerombolan-gerombolan kominis ini bermaharaja-lela berleluasa dari satu masa ke satu masa, apakah tindakan dibuat kepada mereka?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tangkap.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Sehingga pada setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramaikah yang kita telah tangkap dan berapa ramaikah yang kita telah hukuman menurut Undang-undang negara?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, bahkan soalan ini saya rasa sudah dibuat dengan cara betul atau sedang dibuat dan sedang dijawab. Kalau hendak dikira bilangan penganas yang telah ditangkap atau kominis yang telah ditangkap dengan penyokong-penyokongnya daripada 1970 sehingga 1975 iaitu 4,977 orang.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju betul apa jawapan Yang Berhormat

Menteri tadi iaitu orang miskin, perut lapar, rumah tidak ada, susah. Kerajaan sekarang ini menolong rakyat begini untuk menjahanamkan ataupun menghapuskan kominis. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, satu soal yang penting iaitu orang yang senang, orang yang sudah berpangkat, orang yang sudah menjadi Datuk, orang ini yang menolong kominis, ditangkap dan kemudian dilepaskan. Apakah tujuan Kerajaan terhadap perkara begini—sudah kaya-raya, menjadi Datuk dan sebagainya ditangkap kemudian dilepaskan. Adakah pada hari yang akan datang Kerajaan akan tegas dalam perkara ini, kalau ditangkap hendaklah disumbat di dalam penjara selama hidupnya.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan menangkap seseorang di bawah kuasa yang diberi iaitu kuasa keselamatan dalam negeri, tangkapan itu bukan bermaksud hendak simpan sahaja. Tangkapan itu maksudnya supaya dibersihkan pemikirannya dan apabila sudah ditentukan bahawa pemikirannya sudah bersih, pada waktu itu dilepaskan kerana dia tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan dalam negeri.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa sehingga akhir ini kira-kira 4,000 orang kominis telah kita tangkap. Saya hendak tahu adakah benar bahawa anasir kominis yang ada dalam negeri kita ini berangka sekarang 2,000 orang telah masuk ke bandar dan hutan-hutan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tidak benar.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tadi kita dengar Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa lebih 4,000 orang telah ditangkap sehingga ini. Berapa ramai dari jumlah yang ditangkap itu yang telah dibatalkan kerakyatannya?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan lain dan bukanlah satu daripada cara untuk kita membatalkan keadaan ini iaitu dengan cara membatalkan kerakyatan, kerana pembatalan kerakyatan ini adalah proses yang berlainan sekali dan bukan bersangkutan-paut dengan soal keselamatan dalam negeri.

## PROJEK EMPANGAN SERBAGUNA DI SUNGAI ULU TRENGGANU

**5. Puan Zawiah binti Abdullah** minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan setakat manakah kajian yang telah dibuat oleh Lembaga Letrik Negara untuk membina Projek Empangan Serbaguna di Sungai Ulu Trengganu. Kalau kajian itu berjaya bilakah ianya akan dilaksanakan.

**Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, siasatan-siasatan secara mendalam yang mengandungi ukuran rupa-bumi, pengorekan dan pengambilan contoh tanah, sukatan dan cerapan di atas kadaralir sungai dan lain-lain telah bermula dalam bulan September 1974 dan kesemuanya telah pun disiapkan dalam bulan November 1975 kecuali sukatan dan cerapan di atas kadaralir sungai. Penyusunan dan kajian data luar yang diperolehi dan penyediaan laporan sedang dibuat sekarang ini dan adalah dijangka bahawa Laporan Kajian Kemungkinan Terakhir akan siap pada bulan Jun 1976.

Pada masa ini saya tidak dapat menyatakan bila projek ini dapat dilaksanakan kerana perlaksanaannya bukan sahaja tergantung kepada Laporan Kajian yang sedang dijalankan tetapi juga kepada beberapa faktor yang lain seperti kedudukan ekonomi negara dan kemampuan kita mendapat pinjaman untuk membiayai projek tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya kajian terakhir mengesahkan projek ini ekonomik dan sekiranya kewangan mengizinkan, Lembaga Letrik Negara berharap projek ini dapat dilaksanakan dalam awal tahun lapan puluhan.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pelaksanaan projek ini kelak, adakah terlibat pengambilan tanah kawasan-kawasan tanah yang telahpun diberi kepada perbadanan-perbadanan tertentu dan kalau terlibat pengambilan tanah seperti itu adakah pampasan-pampasan akan diberi balik kepada perbadanan-perbadanan ini?

**Datuk Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kawasan itu dalam rancangan ampangan maka sudah tentu tanah-tanah itu terpaksa diambil balik dan sudah tentu pampasannya akan dibayar dengan sewajarnya.

## PERKHIDMATAN KERETAPI DI TRENGGANU

**6. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Perhubungan menyatakan iaitu memandangkan kepada perkembangan Negeri Trengganu di masa akan datang samada Kerajaan ber-cadang mengadakan perkhidmatan keretapi di Negeri ini; jika ada bila dan jika tidak ada cadangan, kenapa.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memerlukan kajian yang teliti. Satu kajian kemungkinan (feasibility study) untuk mengadakan perkhidmatan keretapi dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kuantan telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dan kajian ini mungkin juga meliputi kemungkinan memanjangkan perkhidmatan itu ke kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Pelabuhan Kuantan dan yang akan menggunakan Pelabuhan Kuantan itu, termasuk kawasan Trengganu Tengah dan Pahang Tenggara. Skop Kajian Kemungkinan itu masih dalam kajian sekarang ini.

## KAD HARI RAYA OLEH AHLI PARLI- MEN/NEGERI

**7. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Perhubungan menerangkan samada Ahli-ahli Dewan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen boleh mengirinkan Kad-kad Hari Raya mereka melalui pos dengan percuma, jika tidak boleh, apakah tindakan akan diambil terhadap mereka yang melakukannya.

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri tidak dibenarkan menghantar kad-kad Ucapan Selamat dengan percuma. Jika kad-kad itu dijumpai pada peringkat awal semasa dalam perjalanan pos maka ia akan dikembalikan kepada yang empunya dan perhatiannya ditarik kepada perlunya membayar kadar pos yang sepatutnya dikenakan kepada kad tersebut. Jika dijumpai lewat semasa di dalam perjalanan pos, denda di atas kadar yang sepatutnya dikenakan apabila dihantar kepada penerima.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada Menteri-menteri yang telah mengedarkan Kad Selamat Hari Raya dengan menggunakan O.G.S.?

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Soalan ini mengenai Ahli-ahli Parlimen dan bukannya Menteri-menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sedar bahawa ada Menteri-menteri yang menghantar Kad Selamat Hari Rayanya dengan menggunakan O.G.S.?

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Soalan ini ialah mengenai Ahli-ahli Parlimen. Mengikut Peraturan Pejabat Pos, keistimewaan mail oleh Ahli-ahli Parlimen tidak meliputi penerimaan Kad-kad Ucapan Selamat tetapi kedudukannya berlainan dengan Menteri-menteri.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Bukankah Yang Berhormat Menteri itu juga Ahli Parlimen?

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi mereka itu Menteri.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan tidak boleh yakni Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Menteri, saya rasa tidak mengapa kerana memang tugasnya banyak dan saya tidak persoalkan. Soalan saya, apakah tindakan yang akan diambil kepada orang-orang yang telah melakukan ini seumpama Ahli-ahli Exco Negeri menghantar Kad-kad Selamat Hari Raya menggunakan sampul surat O.G.S. Saya bertanya kerana ada kad yang seumpama itu saya terima banyak. Jadi soalan tambahan saya, apakah tindakan yang akan diambil di atas perkara yang seperti ini iaitu menggunakan peluang yang orang lain tidak menggunakan, maknanya ada di antara mereka ini telah menghantar kadnya yang beratus-ratus itu dengan percuma (free).

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Biasanya bila disedari oleh Pejabat Pos maka akan dihantar balik kepada orang yang berkenaan. Kadang-kadang oleh kerana berjuta-juta kad setahun, jadi ada yang terlepas. (*Ketawa*).

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tadi apabila dikatakan bahawa Menteri boleh menghantar Kad Selamat Hari Raya



dan kitapun ada menerima kad-kad ini, boleh atau tidak Menteri-menteri menghantar surat jemputan kahwin dengan O.G.S. sebab saya juga ada terima kad seumpama itu.

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Saya rasa perkara ini lain daripada soalan asal yang ditanya.

## PENGAJIAN UGAMA ISLAM

**8. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa mutu pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah Menengah pada masa sekarang tidak mendatangkan kesan yang menggalakkan bagi penuntut-penuntut beragama Islam; dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk memperbaiki keadaan ini agar ianya akan menjadi lebih berkesan terutamanya kepada penuntut-penuntut beragama lain amnya.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, pendapat tentang kesan pengajaran agama Islam adalah berlainan antara mereka yang layak membuat teguran tentang masaalah ini. Sukatan pengajaran yang sama tidaklah bermakna pencapaian murid akan jadi sama. Kesan pengajaran memang berbeza antara satu murid dengan satu murid yang lain. Juga kebolehan guru yang sama kelulusan dan didikan terdapat tidak sama. Jadi Kementerian Pelajaran memang ingin menentukan supaya pelajaran agama adalah berkesan. Sebab itu satu Majlis Penasihat Pelajaran Agama telah ditubuhkan untuk menasihati Menteri Pelajaran tentang semua aspek pelajaran agama supaya pengajarannya akan memberi kesan yang dikehendaki. Jika Ahli Yang Berhormat tidak puas hati dengan pencapaian sekarang, Ahli Yang Berhormat bolehlah menulis kepada Majlis ini supaya dapat dipertimbangkan pendapat beliau.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perkara ini amat mustahak sekali? Jika sedar, saya minta pihak Kementerian Pelajaran mengarahkan kepada Majlis Penasihat Pelajaran Agama itu supaya pengajaran agama Islam itu dititikberatkan mengenai soal

himmah, moral, tatatertib dan tidaklah payah saya mesti menulis surat kepada Majlis itu.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara ini adalah penting. Oleh sebab itu Kementerian Pelajaran telah menubuhkan sebuah Majlis Penasihat Pelajaran Agama supaya Majlis ini boleh menasihatkan kepada Menteri Pelajaran. Jadi apa-apa yang tidak puas hati itu bolehlah ditimbangkan dan boleh di atasi dengan segera.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, bilakah Majlis Penasihat Pelajaran Agama ini ditubuhkan, dan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Majlis ini terhadap pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah Kerajaan khususnya dan lain-lain aktiviti yang telah dibuatkan oleh Majlis ini?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Majlis Penasihat Pelajaran Agama ini telah ditubuhkan setahun dahulu. Jadi berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang lain, saya minta notis,

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini tak payah minta notis sebab soal yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah mengenai kesan pengajaran agama di sekolah-sekolah. Apa yang saya tambahkan soalan itu adakah Majlis Penasihat Pelajaran Agama dalam sekolah-sekolah itu telahpun bertindak atau mengambil satu-satu keputusan mengenai apa yang telah disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya rasa Timbalan Menteri yang berkenaan boleh memberi jawapan serta-merta perkara ini kerana perkara ini satu perkara yang dijalankan oleh Kerajaan yang telahpun dipersoalkan di dalam Dewan ini.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut soalan ini menyatakan pengajaran agama Islam di dalam sekolah menengah tidak berapa memuaskan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi bagi pihak Kementerian sampai masa sekarang kita sudah buat apa yang boleh. Jadi kalau ada lagi yang tidak puas hati di kalangan Ahli Yang Berhormat itu, perkara itu bolehlah disampaikan kepada Majlis

Penasihat Pelajaran Ugama itu. Jadi saya ingat langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran sepatutnya dapat disambut baik oleh semua pihak. Semasa Majlis Penasihat Pelajaran Ugama ini dijalankan tugasnya, kalau Ahli Yang Berhormat masih tidak berpuas hati berkenaan aktiviti seperti saya katakan tadi bolehlah Ahli Yang Berhormat menyampaikan perkara ini kepada Majlis tersebut untuk membincangkannya. Jadi tentulah di situ boleh diambil satu keputusan yang baik untuk masa hadapan kelak. Jadi setakat ini langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian ini patut mendapat pujian. Kalau ada apa-apa lagi yang tak puas hati di atas perkara ini bolehlah dikemukakan kepada Majlis Penasihat Pelajaran Ugama. Cara ini adalah cukup baik.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:** Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kedapatan pelajar-pelajar universiti mengharapkan agar Kementerian mengadakan mata pelajaran ugama khas bagi pelajar-pelajar universiti yang terdapat sekarang oleh kerana kekurangan pensyarah yang ditetapkan, seperti contohnya di Universiti Sains, Pulau Pinang, di mana kedapatan sekarang ini pensyarah-pensyarah yang ada hanya memberi semangat dan sejarah dengan sesuka hati dengan tidak ada ketentuan yang ditetapkan.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soalan lain sedikit.

## KERUNTUHAN AKHLAK BELIA-BELIA

**9. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa keruntuhan akhlak dan rohani belia-belie kita pada masa sekarang menyebabkan bertambahnya kejadian-kejadian jenayah dan merosak ketenteraman awam di negara ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk memberi rakyat negara ini yang berbilang kaum, ugama dan kebudayaan dengan pelajaran akhlak yang bernilai.

**Tuan Chan Siang Sun:** Kerajaan memang sedar tentang keruntuhan akhlak dan rohani di kalangan belia-belie pada masa sekarang dan bagaimana ini boleh membawa kepada kejadian-kejadian jenayah serta kerosakan ketenteraman awam. Masalah ini adalah besar

dan rumit kerana belia-belie tersebut adalah datang dari latar belakang yang berbeza, memandangkan rakyat negara ini yang berbilang kaum, ugama dan kebudayaan. Oleh itu, langkah-langkah yang patut diambil untuk mengatasi masalah ini perlukan kerjasama serta usaha dari semua pihak yang berkenaan.

Bagi Kementerian Pelajaran, usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan adalah melalui pendidikan seperti:

- (1) menyematkan konsep Rukunegara dalam sistem pendidikan di negara ini melalui sukatan-sukatan pelajaran dan gerakerja-gerakerja di luar bilik darjah (extra-curricular activities).
- (2) mengadakan pembelajaran siviks (tatarakyat) di semua peringkat Sekolah Rendah dan Menengah di mana semua penuntut-penuntut diwajibkan mengikutinya.
- (3) Kursus Siviks yang menegaskan kepada Kewarganegaraan dan akhlak telah juga diwajibkan di peringkat latihan guru (Maktab Perguruan). Dengan demikian, bakal-bakal guru ini dapat membimbing pelajar-pelajarnya menjadi warganegara yang berdikari, berdisiplin dan juga mempunyai mutu akhlak yang tinggi.
- (4) Bagi penuntut-penuntut yang beragama Islam, mereka dikehendaki mempelajari matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam. Matapelajaran ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang berkaitan iaitu pengetahuan Ugama Islam, amali atau ibadat dan akhlak yang membina dan tinggi nilainya.
- (5) Pengajaran akhlak yang tinggi serta nilai hidup yang terhormat telah juga disisipkan melalui matapelajaran seperti Bahasa Malaysia, Kertas Am (Tingkatan Enam) dan juga Sejarah, di peringkat sekolah-sekolah menengah.
- (6) Pembinaan akhlak yang baik serta perwatakan yang tinggi telah juga dijalankan dengan cara menggalakkan murid-murid di sekolah mengambil bahagian yang aktif dalam gerakerja-gerakerja di luar bilik darjah. Kegiatan-kegiatan ini adalah seperti persatuan-persatuan, Kelab-kelab dan pertubuhan-pertubuhan pakaian seragam.

- (7) Kementerian Pelajaran juga telah menggalakkan sekolah-sekolah menubuhkan Persatuan Ibubapa dan Guru-guru. Tujuannya ialah untuk merapatkan lagi perhubungan antara guru-guru dengan ibubapa, sebab pendidikan sebenarnya adalah usaha bersama. Dengan adanya kerjasama di antara kedua kumpulan ini, segala didikan yang diberi kepada penuntut di sekolah akan menjadi lebih berkesan dan bermakna, dalam kehidupan mereka di luar kawasan sekolah atau selepas mereka meninggalkan sekolah itu.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga sedang merancang dan mempertimbangkan pelaksanaan perkara-perkara yang berikut untuk sekolah-sekolah, di masa hadapan:

- (a) Menambahkan masa atau waktu belajar bagi matapelajaran Siviks di sekolah-sekolah dengan menitikberatkan kepada perkara-perkara yang boleh mengujudkan belia-belia yang berdisiplin, berdikari dan berakhlak tinggi.
- (b) Menyematkan unsur-unsur Siviks dengan lebih banyak dan luas lagi dalam matapelajaran-matapelajaran lain.
- (c) Menjadikan matapelajaran Siviks sebagai satu matapelajaran untuk peperiksaan cara bertulis dan lisan.
- (d) Menguji pencapaian penuntut-penuntut di bidang kesedaran siviks dan akhlak sebagai satu daripada syarat-syarat untuk pemberian hadiah pada penuntut-penuntut di sekolah.
- (e) Menyediakan sekurang-kurangnya satu waktu yang khas untuk penuntut-penuntut membayangkan amalan yang berasaskan kepada perkara-perkara yang mereka belajar dalam matapelajaran siviks.
- (f) Menjalankan kajian secara mendalam tentang:
  - (i) Bagaimana kadar permodenan dan perbadanan (rate of modernization and urbanization) yang sedang pesat berlaku di waktu ini boleh membawa kepada keruntuhan akhlak dan rohani belia-belia.
  - (ii) Implikasi-implikasi dari kajian tersebut di bidang pendidikan,

terutamanya sekali pendidikan akhlak dan tatasusila (moral education and ethics).

Usaha-usaha Kementerian Pelajaran selama ini bukan sahaja tertumpu kepada kemajuan dan kebolehan pemikiran penuntut-penuntut (cognitive ability and progress). Malah, pada masa yang sama terdapat beberapa rancangan pelajaran yang bertujuan untuk memupuk serta memajukan lagi sikap, nilai dan perwatakan yang membina dan positif di kalangan penuntut-penuntut. Dengan terdapatnya langkah-langkah yang sedang dijalankan itu serta dengan cadangan-cadangan untuk masa hadapan, kejadian-kejadian seperti keruntuhan akhlak dan rohani belia-belia dapat dikurangkan. Sebaliknya, adalah diharapkan bahawa belia-belia yang telah mengalami sistem pendidikan di negara ini akan mempunyai perwatakan yang ingin berdikari, berdisiplin serta juga akhlak dan nilai hidup yang tinggi.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, pendek sahaja. Saya berterima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab begitu panjang, saya fikir beliau macam ulama. Soalan tambahan saya begini: Adakah Kementerian ini dapat mengizinkan murid-murid yang bukan Islam dalam negeri ini supaya belajar pengajaran Islam yang ada kaitan dengan membaiki akhlak?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita semua faham dalam negara kita ini bahawa agama rasmi ialah agama Islam tetapi ada orang-orang yang suka menginsafkan kepada agama-agama yang lain, mereka adalah bebas. Saya ingat, kalau ada murid-murid yang hendak insaf dalam agama Islam itu dia boleh berdiri sendiri apa yang ditetapkan oleh agama Islam itu. Kita tidak memaksa kepada siapa-siapa oleh kerana di dalam Rukunegara kita ada menyatakan iaitu "Kepercayaan kepada Tuhan", jadi kita semua ada kebebasan dalam soal agama ini di dalam negara kita.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya begini, kalau ramai penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar kita yang bukan Islam yang ia ingin hendak mempelajari ajaran-ajaran Islam yang ada tajuk dalam membaiki akhlak sahaja,

bolehkah atau tidak Kementerian Pelajaran ini memberikan izin dengan tidak ada apa-apa tegahan? Itu sahaja yang saya hendak bertanya.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya telah jawab dengan panjang lebar tadi dan barangkali kita ada terkeluar sedikit dari landasan kita. Walau bagaimanapun, kalau ada murid-murid yang hendak belajar agama Islam, saya ingat kita tidak tahan siapa-siapa pun, barangkali kita pun boleh beri kemudahan-kemudahan kepada mereka. Insya Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal-jawab selama satu jam tamat sekarang.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 10 hingga 13 adalah diberi di bawah ini).*

#### **TUNJUK PERASAAN PELAJAR-PELAJAR DI AUSTRALIA/NEW ZEALAND**

**10. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sebab-sebab dan faktor-faktor berkaitan yang mengakibatkan tunjuk perasaan oleh Pelajar-pelajar ke atas pemimpin nasional kita yang amat dihormati ketika lawatan rasminya ke New Zealand dan Australia;
- (b) siapakah pelajar-pelajar Malaysia yang terlibat, berapakah banyak kadar daripada mereka rakyat Malaysia dan berapakah pula rakyat Australia dan New Zealand;
- (c) dari pelajar-pelajar Malaysia yang terlibat, berapakah banyak kadar mereka yang terdiri dari pemegang biasiswa;
- (d) samada Menteri akan mengambil tindakan atau langkah tatatertib ke atas pelajar-pelajar Malaysia yang terlibat di dalam tunjuk perasaan itu;
- (e) samada benar atau tidak bahawa kerana tunjuk perasaan pelajar-pelajar itu, maka Kerajaan New Zealand dan Australia sedang menimbang untuk menghadkan pengambilan pelajar-pelajar Malaysia ke Universiti mereka;
- (f) apakah syarat-syarat atau pembatasan Menteri akan adakan ke atas pelajar-pelajar yang akan belajar di luar negeri pada masa depan; dan
- (g) samada Menteri akan menjamin bahawa tiada syarat yang tidak patut atau menyusahkan akan dikenakan ke atas pelajar-pelajar yang sopan yang betul-betul ingin mengambil pelajaran tinggi di luar negeri.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Antara sebab-sebab dan faktor-faktor berkaitan yang mempengaruhi pelajar-pelajar untuk mengadakan tunjuk perasaan tersebut ialah:

- (a) (i) Mereka sangat terpengaruh dengan segulungan pelajar-pelajar yang berhaluan kiri di Australia dan New Zealand dan ada juga yang dipengaruhi oleh gerakan subversif yang sememangnya sentiasa mencari jalan untuk menanamkan pengaruhnya terutama di kalangan penuntut-penuntut.
- (ii) Mereka juga bertujuan untuk memberikan gambaran yang buruk dan tidak betul terhadap Kerajaan kita. Mereka menuduh Kerajaan kita bercorak "facist" kerana menahan pelajar-pelajar di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, juga tidak mengiktiraf Kerajaan Malaysia dengan memanggil Malaysia Barat sebagai "Malaya" dan Malaysia Timur sebagai "Kalimantan Utara".
- (iii) Di samping itu mereka juga sangat terikut-ikut hingga mengikut telunjuk pelajar-pelajar di sana dengan tujuan untuk mendapatkan beberapa kemudahan seperti persatuan dan kelulusan untuk mereka menetap di Australia dengan alasan mereka akan ditangkap apabila kembali ke Malaysia.
- (b) Bilangan penunjuk-penunjuk perasaan di satu-satu tempat sewaktu lawatan itu ialah kira-kira sekumpulan 200 orang dan pelajar-pelajar Malaysia di Australia yang terlibat ialah di antara 25 hingga 30 orang, sementara itu bilangannya lebih kecil lagi di New Zealand. Mereka jua adalah merupakan orang yang sama yang mengadakan tunjuk perasaan di beberapa tempat di waktu lawatan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri di Australia. Tidak dapat dipastikan dengan sebenarnya berapa orangkah di antara mereka rakyat Malaysia atau rakyat Australia dan New Zealand,

kerana penunjuk-penunjuk perasaan itu memakai topeng untuk mengelakkan diri dari dikenali.

- (c) Tiada seorang pun pemegang biasiswa yang terlibat di dalam tunjuk perasaan itu.
- (d) Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar semata-mata mereka terlibat dengan tunjuk-tunjuk perasaan. Walau bagaimanapun jika didapati seseorang pelajar itu benar-benar melanggar undang-undang negeri, maka ia boleh ditahan kerana pada mata undang-undang pelajar-pelajar juga adalah sama seperti orang-orang lain.
- (e) Kerajaan Australia dan New Zealand memang bercadang untuk mengurangkan pengambilan pelajar-pelajar yang belajar ke sana, tetapi ini bukanlah disebabkan oleh tunjuk-tunjuk perasaan pelajar-pelajar yang diadakan itu.
- (f) Kementerian sedang mengkaji semula segala peraturan-peraturan yang wujud sekarang bagi pelajar-pelajar yang menuntut ke seberang laut dan akan meletakkan syarat-syarat supaya pada masa yang akan datang pemergian mereka didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran. Amalan pada masa ini, pemergian penuntut dibuat dengan permohonan melalui Pesuruhjaya Tinggi Negara berkenaan, oleh itu tidak diketahui, siapa, berapa ramai dan apakah kursus yang mereka ikuti. Di samping itu Kementerian bercadang mengenakan syarat supaya mendapat jaminan dari ibubapa penuntut yang berkenaan untuk memastikan para pelajar berkenaan benar-benar memberikan penumpuan kepada pelajaran tanpa melibatkan diri dalam kegiatan lain yang tidak berfaedah.
- (g) Saya percaya bahawa syarat-syarat tersebut adalah bertujuan baik dan sudah tentulah tidak memberikan kesusahan kepada pelajar-pelajar yang betul-betul bertujuan baik untuk belajar keluar negeri.

#### KAWALAN KESELAMATAN DUTA/ PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA

**11. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan telah mengambil langkah untuk

mengawal keselamatan Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang sedang berkhidmat di luar negeri.

Menteri Luar Negeri (**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj**): Tiap-tiap perwakilan kita di luar negeri mempunyai langkah-langkah keselamatan sendiri dari sejak mula tertubuhnya perwakilan-perwakilan itu. Bagaimanapun memandangkan keadaan sekarang. Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi serta tiap-tiap pegawai-pegawai di perwakilan kita di seberang laut telahpun diarah dan diingatkan bagi memperketatkan lagi langkah-langkah untuk mengawal keselamatan diri sendiri, keluarga mereka serta juga pejabat-pejabat perwakilan kita di seberang laut. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dari segi keselamatan tidaklah dapat saya nyatakan langkah-langkah tersebut.

#### ANCAMAN KOMINIS

**12. Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan oleh kerana keadaan di Asia Tenggara telah berubah sangat dengan penarikan bala tentera dari rantau ini oleh Amerika Syarikat dan Britain dan kejayaan pihak Kominis di seluruh kawasan Indo-China; dan hakikat bahawa Malaysia dan Thailand yang berhubung rapat adalah terus menerus menghadapi masalah ancaman kominis yang berpanjangan dengan kegagalan mereka sejak bertahun-tahun untuk menghapuskan gerakan kominis dalam negara ini, tidakkah Kerajaan menganggap sesuai demi kepentingan negara untuk mengadakan perjumpaan atau perundingan dengan Ketua Parti Kominis Malaysia untuk memutuskan kedudukan Parti Kominis supaya Kerajaan dapat menyelesaikan masalah-masalah lain yang lebih penting bagi sebuah negara yang membangun seperti keselamatan negara, perpaduan antara kaum, politik dan sosio-ekonomi.

**Perdana Menteri:** Kerajaan ini tidak berhasrat hendak membuat perhubungan dengan satu gerombolan yang mengaku dirinya sebagai satu badan watan yang berprinsipkan kekerasan dan keganasan. Kita mempunyai banyak pengalaman semenjak perjumpaan antara Tunku Abdul Rahman dengan mereka beberapa tahun yang lalu tentang segala sikap, tindak-tanduk, amalan serta gerakan gerombolan ini yang bertentangan samasekali dengan Perlembagaan dan prinsip Rukunegara.

Tetapi Kerajaan bersedia menimbang permohonan anggota-anggota gerombolan apa yang dipanggil Parti Komunis Malaya sekiranya mereka memilih untuk meninggalkan jalan mereka yang sesat itu dan kembali ke pangkuan masyarakat.

### PELAJARAN SIVIK

**13. Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar akan ketiadaan perasaan tata rakyat di kalangan orang ramai dalam negara ini kerana jika berlaku apa-apa kejadian di hadapan mata mereka sendiri sekalipun mereka buat tidak tahu atau tidak peduli, tiada siapa pun yang hendak menolong mangsa-mangsa kejadian itu atau bersukarela memberi maklumat kepada pihak Polis dan oleh kerana semangat tata rakyat ini sangat penting bagi sebuah negara seperti Malaysia apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mendidik rakyat supaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

**Perdana Menteri:** Kerajaan menggalakkan pelajaran sivik dan mendidik rakyat untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dari tingkat sekolah lagi sehinggalah ke tingkat dewasa. Menerusi sekolah-sekolah perkara sivik diajar sebagai satu mata pelajaran untuk membina warganegara yang bertanggungjawab.

Pemuda-pemudi digalakkan bergiat dalam aktiviti-aktiviti rohani dan jasmani melalui persatuan-persatuan belia supaya mereka dapat memainkan peranan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.

Bagi orang-orang dewasa, Kursus Sivik yang menitikberatkan kesedaran tata rakyat telah diadakan dengan banyaknya dan akan terus diusahakan oleh Jabatan Penerangan dan juga lain-lain agensi Kerajaan di merata-rata tempat di dalam bandar dan luar bandar di seluruh tanahair.

Kesemua usaha ini adalah bertujuan mendidik rakyat menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Namun demikian memanglah diakui masih ada lagi sebilangan kecil orang-orang yang tidak mempunyai perasaan tanggungjawab kerana sebab-sebab peribadi ataupun pendirian mereka sendiri. Perkara serupa ini memang berlaku di kalangan setengah-setengah masyarakat dalam dunia ini.

### USUL

#### ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13 (2) Majlis ini akan menimbang Rang Undang-undang yang berikut setelah selesai menimbang Rang Undang-undang yang lain dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan, 1976.
- (2) Rang Undang-undang Pinjaman Tempatan (Pindaan).
- (3) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan).
- (4) Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah.
- (5) Rang Undang-undang Kewangan Duti Harta Pesaka (Pindaan).

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13 (2) Majlis ini akan menimbang Rang Undang-undang yang berikut setelah selesai menimbang Rang Undang-undang yang lain dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan, 1976.
- (2) Rang Undang-undang Pinjaman Tempatan (Pindaan).
- (3) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan).
- (4) Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah.
- (5) Rang Undang-undang Kewangan Duti Harta Pesaka (Pindaan).

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KANUN ACARA JENAYAH (PINDAAN DAN PERLUASAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

**Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Kanun Acara Jenayah (Bab 6), dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya ini, saya buat dalam Bahasa Kebangsaan, tetapi dengan sebab Undang-undang Criminal Procedure Code itu masih lagi dalam bahasa Inggeris dan belum diterjemahkan ada tempat-tempatnya yang mana sungguhpun saya telah ucapkan dalam Bahasa Kebangsaan, saya minta izin berucap juga dalam bahasa Inggeris dengan sebab pada pendapat saya lebih senang kepada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat dapat memahamkan, dengan yang demikian akan memberi lebih faedah dalam perbahasan ini kelak.

Maksud Rang Undang-undang ini ialah untuk menggantikan keempat Kanun Acara Jenayah yang berlainan yang sekarang ini berkuatkuasa di Negeri-negeri Pulau Pinang, Negeri Melaka, di 9 buah Negeri lain yang beraja di Semenanjung Malaysia ini dan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dengan satu kanun sahaja yang akan dipakai di seluruh Malaysia kelak. Langkah ini telah diambil menurut syor-syor yang dibuat di Persidangan Agong Tahunan Hakim-hakim. Manakala pindaan-pindaan sedang dibuat bagi menyatukan keempat-empat Kanun Acara Jenayah yang berlainan itu untuk menjadi satu kanun sahaja keempat-empatnya adalah diambil untuk mengadakan beberapa pindaan. Pindaan-pindaan itu adalah diterangkan sepenuhnya dalam Huraian kepada Rang Undang-undang itu.

Satu daripada pindaan-pindaan itu ialah meraotong Seksyen 113 yang ada sekarang dan digantikan dengan Seksyen 113 yang baru. Hingga sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, pernyataan atau percakapan yang dibuat oleh seseorang yang dituduh kepada seseorang pegawai Polis dalam masa penyi-

satian Polis tidak boleh diterima sebagai keterangan dalam sesuatu perbicaraan. Bagaimanapun perlindungan bagi orang-orang yang dituduh dari melibatkan dirinya dalam jenayah telah banyak terhakis oleh undang-undang yang kemudian oleh kerana sekarang ini the cautioned statement procedure atau acara penyata beramaran adalah dipakai dalam perbicaraan-perbicaraan bagi hampir 100 kesalahannya yang berlainan di bawah 13 undang-undang.

Tujuan pindaan yang dicadangkan itu ialah untuk memakai acara ini bagi semua penyiatsatan dan perbicaraan jenayah.

*{Dengan izin}* One of these amendments is the deletion of Section 113 and its substitution thereof by a new Section 113. Hitherto, no statement made by an accused person to a Police Officer in the course of Police investigation has been made admissible in evidence at any trial. However, the protection of the accused from self-incrimination has been much eroded by subsequent laws that now in trials for nearly a hundred different offences under 13 laws, "the cautioned statement procedure" applies. The object of the proposed amendment is to extend this procedure to all criminal investigation and trials in the future.

Satu lagi pindaan kepada Kanun Acara Jenayah ialah mengadakan dua seksyen baru iaitu 127A dan 127B. Pindaan ini adalah amat besar dan selaras dengan Rang Undang-undang Keselamatan Kesalahan-kesalahan di Luar Negeri, Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) dan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan dan Perluasan) manakala beberapa pindaan tertentu sedang dibuat kepada Kanun Keseksaan iaitu Bab 6, peruntukan-peruntukan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan kederhakaan (treason). Satu Rang Undang-undang baru iaitu Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan di Luar Negeri adalah dibentangkan juga dalam sidang Parlimen sekarang dengan tujuan untuk memberi bidang kuasa kepada mahkamah-mahkamah dalam Malaysia membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Bab 6, yakni treason tadi dan di bawah Rang Undang-undang baru itu yang dilakukan di luar Malaysia.

Seksyen 127A dalam Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan) memperuntukkan acara bagi menguruskan kesalahan-kesalahan ini jika dilakukan

di luar negeri Malaysia. Dengan pindaan-pindaan ini dan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman atau Mahkamah Rendah Malaysia dan Ordinan-ordinan Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak, semua mahkamah dalam Malaysia akan sekarang ini mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang saya nyatakan tadi termasuk kesalahan di luar negeri.

Sir, another amendment to the Criminal Procedure Code is the introduction of two new sections 127A and 127B. This amendment is major and goes hand in hand with the Extra-territorial Offences Bill, the Courts of Judicature (Amendment) Bill and the Penal Code (Amendment and Extension) Bill. Whilst certain amendments are made to the Penal Code, namely Chapter VI (provisions dealing with treasonable offences) a new Bill, the Extra-territorial Offences Bill, is being tabled in the current session of the Dewan Negara with a view to give offences under Chapter VI and the new Bill with extra-territorial effect, the new section 127A of the Criminal Procedure Code (Amendment and Extension) Bill provide the procedure for dealing with these offences if committed outside Malaysia. With these amendments and the amendments to the Courts of Judicature Act, the Subordinate Courts Act of Malaysia and the Subordinate Courts Ordinances of Sabah and Sarawak, all the Courts in Malaysia will now have jurisdiction to try the offences as mentioned above.

Proviso kepada Seksyen 127A memperuntukkan perlindungan yang perlu iaitu percabaran dalam Malaysia bagi kesalahan di bawah Bab VI Keseksaan dan Akta Kesalahan-kesalahan di luar negeri yang dilakukan di luar negeri tidak akan diadakan secara automatik, tetapi akan memerlukan perakuan dari Pegawai Diplomatik Malaysia dalam Wilayah di mana kesalahan itu dikatakan telah berlaku dinyatakan bahawa tuduhan itu patut disiasat di Malaysia atau di mana Pegawai Diplomatik yang tidak ada percabaran akan diadakan di Malaysia hanya dengan izin Pendakwa Raya.

Proviso kedua kepada Seksyen 127A itu akan menghalang pendakwaan selanjutnya dalam Malaysia jika pesalah yang berkenaan itu telah didakwa dan dibicarakan di luar di lain negeri.

The proviso to section 127A provides the necessary safeguard in that trial in Malaysia for offences under Chapter VI (i.e. treason) of the Penal Code and Extra-territorial Offences Act committed abroad will not follow automatically but will require the certificate of a Malaysian Diplomatic Officer in that territory where the offence is alleged to have been committed that the charge ought to be enquired into in Malaysia or where there is no diplomatic officer only with the sanction of the Public Prosecutor. The second proviso to section 127A will bar or prevent further prosecution in Malaysia if the offender or the criminal has been prosecuted in the other country.

Satu seksyen baru 127B membenarkan Pendakwa Raya menggunakan budibicara untuk mengarahkan supaya salinan-salinan keterangan-keterangan atau depositions yang dibuat atau barang-barang kes atau exhibits yang dikemukakan di hadapan Pegawai Diplomatik itu dalam atau bagi Wilayah di mana kesalahan itu dilakukan diterima sebagai keterangan oleh Mahkamah yang menjalankan penyiasatan atau percabaran itu, jika Mahkamah itu telah mengeluarkan satu perintah supaya keterangan diambil mengenai perkara-perkara berkaitan dengan keterangan sumpah atau barang-barang kes itu.

A new section 127B gives the Public Prosecutor a discretion to direct copies of the deposition made or exhibit produced before the diplomatic officer in or the territory in which the offence is committed to be received as evidence by the court holding the inquiry or trial in any case in which the court has issued a commission for taking evidence on matters to which the depositions or exhibits relate.

Satu lagi pindaan, perlu diterangkan ialah pindaan kepada seksyen 138 yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya siasatan permulaan tidak perlu diadakan, jika seseorang hakim yang bertindak di bawah seksyen 417 Kanun Acara Jenayah, memindahkan sesuatu kes itu daripada suatu Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi, atau jika Pendakwa Raya memperakui sedemikian. Pindaan itulah juga mengenai sesuatu kes yang jika tidak kerana peruntukan itu kena dibicarakan oleh Mahkamah-mahkamah Jenayah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi jika Pendakwa Raya memperakui bahawa kes itu patut dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi.



One other amendment which needs to be highlighted is the amendment to section 138 which is designed to dispense with the need for a preliminary enquiry where a judge acting under section 417 of the Criminal Procedure Code transfers a case from a Subordinate Court to the High Court or where the Public Prosecutor so certified. The amendment also deals with any case which would otherwise be triable by any Criminal Court subordinate to the High Court if the Public Prosecutor certified that such case ought to be tried by the High Court.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### 3.57 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil sedikit bahagian dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang ini.

Pada mula-mulanya saya hendak membuat sedikit teguran, barangkali complain iaitu saya dapati Rang Undang-undang ini telah dipinda di dalam Jawatankuasa di Dewan dan nampaknya pindaan itu tidak dikemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini sehinggalah mereka itu sampai ke mejanya petang ini. Jadi, saya tidak tahulah di mana letaknya kesilapannya kerana saya telah mengkaji Rang Undang-undang asalnya yang telah dihantarkan terlebih dahulu, tetapi bila saya pandang kepada pindaan-pindaan dibentangkan hari ini, sungguhpun telah terlebih dahulu, ini rasa saya bukanlah salah sesiapa, barangkali salah orang yang menghantarnya nampaknya pada perbezaan yang besar. Jadi, homework yang telah saya sediakan itu nampaknya separuh telah hilang, tidak boleh dipakai lagi. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah membuat sedikit-sebanyak teguran terhadap Rang Undang-undang ini.

Pertamanya, saya suka mengucapkan tahniah kepada Peguam Negara kerana membawa Rang Undang-undang ini yang mana sekarang kita mempunyai cuma satu sahaja Kanun Acara Jenayah atau Criminal Procedure Code. Setakat ini kita mempunyai tidak salah saya 4, yang di Sabah lain, yang di Sarawak lain,

yang di Pulau Pinang dan Melaka lain, dan di lain negeri-negeri lain. Jadi sekarang ini kita mempunyai cuma satu sahaja dan itu menyenangkan bukan sahaja kepada Peguam-peguam tetapi juga kepada Hakim-hakim dan juga kepada sesiapa juga yang ada terlibat dengan undang-undang. Itu saya memberi tahniah kepada Yang Berhormat Peguam Negara kita.

Di dalam Jadual kepada Undang-undang ini ada beberapa peruntukan untuk meminda Criminal Procedure Code, FMS Chapter VI dan di sini saya hendak menyentuh beberapa perkara. Pertama ialah pindaan kepada Seksyen 113 yang telah disebut oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi. Barangkali kepada peguam-peguam ini adalah satu peruntukan yang penting di dalam Criminal Procedure Code kita.

Saya sedar sudah beberapa Undang-undang dikemukakan di Parlimen meminda cara-cara hendak membuktikan kes-kes yang mana statement ataupun kenyataan yang dibuat kepada pegawai polis boleh diterima sebagai keterangan. Umpamanya, di bawah Undang-undang Prevention of Corruption, di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri peruntukan dibuat yang mana keterangan diberi kepada pegawai polis atau pegawai penyiasat boleh digunakan semasa perbicaraan tetapi di bawah tuduhan-tuduhan yang lain banyak di bawah Penal Code keterangan yang dibuat atau kenyataan yang dibuat kepada pihak polis tidak boleh diterima setakat ini. Nampaknya, di sini pihak Kerajaan telah memikirkan masanya sudah sampai untuk meminda supaya disamakan iaitu apa juga keterangan yang dibuat kepada pihak polis boleh diterima sebagai keterangan di Mahkamah. Inilah saya rasa satu perubahan dasar yang besar. Saya tidak tahu samada masanya sudah sampai atau tidak, tetapi saya cuba mencari apakah sebabnya mula-mula kita mengadakan Criminal Procedure Code kita, kita utukkan Seksyen 113 tadi. Kenapakah kita buat begitu? Saya cuba tengok buku undang-undang yakni pakar-pakar yang telah menulis berkenaan dengan Criminal Procedure Code dan saya suka menyebutkan di sini apa yang telah dikatakan atau apakah sebabnya Seksyen 113 itu diadakan. Katanya, ini dalam bahasa Inggeris, saya harap Tuan Yang di-Pertua izinkan saya. Seksyen 113 Criminal Procedure Code kita ataupun Seksyen 162 Indian Penal Code yang sama "was introduced in order that the

accused may not be prejudiced in any way by the improper use of such statement recorded loosely or inaccurately by the Police", itu tujuannya. The objective is to protect the accused from over-zealous police officers and untruthful witnesses and to recognise the danger of placing confidence on record more or less imperfectly or inaccurately made by Police officers unaccustomed with the Law of Evidence.

Jadi, ada sebab-sebabnya kenapa kita buat peruntukan di bawah Seksyen 113 yang mana telah dipakai berpuluh-puluh tahun sampai sekarang ini. Saya sedar ada negeri-negeri yang tidak ada peruntukan seperti peruntukan di bawah Seksyen 113 tadi. Umpamanya, di United Kingdom (England). Keterangan yang dibuat kepada polis boleh diterima dalam mahkamah. Jadi, sekarang ini kita hendak buat serupa juga dengan peruntukan yang ada di England. Saya tidak tahu samada masanya sudah sampai atau tidak, mungkin sudah sampai yang mana kita membuat pindaan kepada Seksyen 113 yang membolehkan apa juga keterangan yang dibuat kepada pegawai Polis samada telah diberi amaran atau tidak boleh diterima sebagai kenyataan di dalam mahkamah. Ini menjadi pindaan besar.

Saya sedar ada peruntukan di bawah pindaan baru ini yang mana boleh dikecualikan ataupun ada provisonya. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua memaafkan saya kalau saya sebutkan dalam bahasa Inggeris kerana nasah yang sahih ialah dalam bahasa Inggeris. Provisinya ialah:

"(a) No such statement shall be admissible or used as aforesaid—

(i) if the making of the statement appears to the court to have been caused by any inducement, threat or promise having reference to the charge proceeding from a person in authority" dan seterusnya atau

(ii) in the case of a statement made by the person after his arrest, unless the court is satisfied that a caution was administered to him in the following words or words to the like effect:

"It is my duty to warn you that you are not obliged to say anything or to answer any question, but anything you say, whether in answer to a question or not, may be given in evidence", and

(b) a statement made by any person before there is time to caution him shall not be rendered inadmissible in evidence merely by reason of no such caution having been administered if it has been administered as soon as possible".

Jadi, apa yang dimaksudkan di bawah proviso ini ialah mahkamah boleh menolak keterangan yang diberi kepada polis tadi jika mahkamah berpuas hati keterangan itu diterima dengan cara paksa atau ada janji-janji yang diberi kepada orang tadi, ini bukannya perkara baharu. Perkara ini telah-pun berlaku sekarang ini di dalam cara kita membicarakan seseorang di mahkamah. Tetapi apa yang sering berlaku ialah tiap-tiap kali keterangan yang dibuat oleh yang dituduh itu hendak digunakan, maka bantahan akan dibuat dan mahkamah terpaksa pula mengadakan apa yang dikatakan bicara dalam bicara untuk menentukan samada keterangan yang diterima itu telah dibuat dengan rela hatinya sendiri ataupun dibuat secara paksa. Kadang-kadang bicara dalam bicara yang saya maksudkan ini memakan masa dan akhirnya kadang-kadang mahkamah menentukan bahawa keterangan yang dibuat oleh yang dituduh itu tidak dibuat dengan **rela** hatinya, jadi ia ditolak. Sungguhpun ada proviso ini, tidaklah bermakna akan menjimatkan masa, ini boleh memakan masa.

Saya memang penuh hormat kepada anggota polis kita. Mereka cuba menjalankan tugas-tugasnya dengan adil tetapi ada kalanya mereka itu seperti kata orang terlampau hendak tunjukkan kepandaian mereka, mereka menjalankan tugas lebih daripada batasan. Kepada pegawai polis semacam inilah yang terpaksa kita berjaga-jaga. Inilah yang dimaksudkan dalam buku yang saya sebutkan pada awal tadi kenapa Seksyen 113 itu diadakan pada mula-mulanya. Kepada pegawai polis kita semua pegawai-pegawai polis yang bertanggungjawab dan saya percaya kebanyakannya adalah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab itu tidak menjadi masalah yang besar, tetapi saya harapkan dan saya minta dan merayu kepada Yang Berhormat Peguam Negara supaya mengarahkan pegawai-pegawai polis supaya berhati-hati bila hendak menggunakan keterangan di bawah Seksyen 113 yang baru ini.

Saya sendiri sudah mengalami beberapa kes yang mana peruntukan di bawah Seksyen 113 telah saya ketepikan kerana keterangan-keterangan ataupun statement yang diberikan

tidak mengikut lunas-lunas yang tertentu. Itu menunjukkan bahayanya. Jadi sekali lagi saya merayu kepada Peguam Negara supaya membuat sesuatu peraturan ataupun memberi satu petunjuk yang tegas kepada pegawai-pegawai yang akan menerima kenyataan-kenyataan di bawah Seksyen 113. Di sini nampaknya keterangan-keterangan itu hanya boleh diberi kepada seseorang pegawai Polis yang berpangkat sekurang-kurangnya Inspektor ke atas, maknanya kalau statement itu dibuat kepada seorang yang di bawah pangkat Inspektor maka statement itu tidak boleh diterima. Kita tahu, bukannya semua pondok-pondok ataupun balai-balai polis mempunyai Inspektor. Kadang-kadang yang menjaganya cuma Sarjan sahaja. Jadi kalau statement hendak dibuat pada Sarjan nampaknya tidaklah boleh diterima, jadi terpaksa sekurang-kurangnya seorang Inspektor, seorang yang bertanggungjawab yang boleh menerima apa-apa statement di bawah peruntukan Seksyen 113 ini.

Berkenaan dengan Seksyen 113, dan Seksyen 114 yang juga telah dipinda sedikit, ada kaitannya. Tetapi nampaknya mungkin tertinggal, sepatutnya marginal note di bawah Seksyen 114 itu patut juga dipinda kerana apa yang telah berlaku mengikut pindaan undang-undang yang baharu ini, Seksyen 114 (1) yang lama telah dibatal, kalau tidak salah saya cuma tinggal Seksyen 114 (2). Jadi maksudnya sudah berlainan sedikit. Pindaan juga patut dibuat kepada marginal note kepada Seksyen 114.

Sekarang saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 138. Pindaan Seksyen 138 dalam Bil yang asalnya ataupun Rang Undang-undang yang asalnya sangatlah berlainan daripada apa yang telah dikemukakan dalam peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat. Apabila saya baca peruntukan di bawah Seksyen 138 yang baharu yang dikemukakan di peringkat Jawatankuasa barulah saya nampak sensenya. Kalau tidak, dahulu seperti yang tertera di dalam Bil yang asal itu, nampaknya ia tidak mempunyai makna kerana ada yang bertelingkah. Jadi sekarang tidaklah payah saya panjangkan hujah saya berkenaan dengan seksyen itu kerana sudah nampak jelas sedikit kepada saya apabila saya baca pindaan yang dibuat di peringkat Jawatankuasa itu. Cuma satu perkara sahaja yang saya minta sedikit penjelasan daripada Peguam Negara oleh kerana ada peruntukan baharu di bawah Seksyen 417

dan Seksyen 418 yang memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk membicarakan kes-kes jika dianggap oleh Mahkamah Tinggi itu patut dibicarakan. Saya suka minta sedikit penjelasan samada Kerajaan berniat menghilangkan sama sekali sedikit butir-butir yang patut diberi kepada orang yang dituduh supaya dia tahu apa tuduhan, apa keterangan yang hendak dihadapinya.

Bagaimana kita tahu jikalau kita tidak adakan penyiasatan awal ataupun preliminary enquiry? Tujuan preliminary enquiry itu ialah supaya membolehkan yang dituduh itu mengetahui apakah tuduhan terhadapnya, dan apakah keterangan-keterangan yang akan digunakan terhadapnya untuk membuktikan kesalahan tadi. Itu tujuan preliminary enquiry. Preliminary enquiry tidak dihapuskan, kerana kita sudah tengok di bawah Seksyen 138 tadi. Cuma jikalau kes di bawah Seksyen 417 dan Seksyen 418 yang baharu jikalau hendak dibicarakan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi maka tidak perlu lagi diadakan preliminary enquiry. Yang saya hendak minta penjelasan sedikit dari Peguam Negara apakah kemudahan yang boleh diberi kepada yang dituduh supaya dia tahu selain daripada chargenya, adakah senarai saksi-saksi yang hendak dipanggil ataupun isi ataupun inti daripada apa yang hendak disebutkan oleh saksi-saksi itu akan diberi kepada yang dituduh supaya dia tahu tuduhan yang hendak dihadapinya, supaya dia tahu apakah defence yang hendak disediakan? Nampaknya di bawah peruntukan baharu ini hapus semua sekali. Jadi yang dituduh itu tidak tahu siapa yang hendak beri keterangan terhadap dia, siapakah saksi-saksi yang akan dipanggil oleh pihak pendakwa supaya dia dapat menjawab balik, itu nampaknya tidak ada.

Saya perhatikan di dalam peraturan yang dibuat di bawah kes dharurat samada peraturan yang dibuat pada tahun 1965 ataupun peraturan yang baharu sekarang ini yang digazette di bawah Pengumuman Undang-undang A. 362/75. Nampaknya itu sama sekali tidak dihapuskan kerana di sini dikatakan:

"6 (1) Where a security case is triable by the High Court, no preliminary enquiry shall be held in respect thereof and the magistrate before whom the accused is produced shall forthwith commit the accused for trial by the High Court at such place whether within the same State

or not as the Public Prosecutor may specify and upon such charge as the Public Prosecutor may prefer.

(2) Where the accused is committed for trial under paragraph (1), he shall be supplied with a copy of the record of proceedings before the committing Magistrate."

Sungguhpun record of proceedings tidak mempunyai banyak isinya tetapi ada juga record of proceedings yang akan diberikan kepada yang dituduh. Jadi saya minta sedikit penjelasan di bawah Seksyen 417 ini.

Satu lagi perkara di bawah Jadual berhubung dengan Seksyen 402A. Ini satu peruntukan baru yang mana jikalau seseorang yang dituduh hendak memberikan alasannya sebagai satu alasan alibi maka terpaksa dia di memberi notis dahulu kepada Public Prosecutor. Kalau dapat saya bacakan:

"402A. (1) Where in any criminal trial the accused seeks to put forward a defence of alibi, evidence in support thereof shall not be admitted unless the accused shall have given notice in writing thereof to the Public Prosecutor at least ten days before the commencement of the trial."

Saya nampak maksudnya, jadi ini membolehkan pihak pendakwa meniyasat samada alibi yang hendak diberi itu menasabah atau tidak. Orang yang disebutkan itu ada nampak, umpamanya pada hari berlakunya kejadian itu boleh diberitahu atau tidak. Saya nampak maksudnya tetapi kadang-kadang saya tidak tahu samada peruntukan ini bertelingkah dengan peruntukan-peruntukan yang lain yang ada di bawah Criminal Procedure Code kita, iaitu biasanya adalah hak seseorang yang dituduh, ia tidak dianggap salah dan tidak payah memberi apa-apa keterangan sehingga ia dipanggil oleh Mahkamah yang mengatakan dia terpaksa memberi jawapan kepada tuduhan itu. Ini bermakna Mahkamah telah berpuas hati sudah ada prima facie case barulah dia terpaksa menjawab. Di sini kalau dia hendak menggunakan alibi nampaknya 10 hari sebelum bicara dia terpaksa memberikan jawapan. Saya tidak tahulah samada ini bertelingkah atau tidak, sekiranya bertelingkah ini mungkin dibawa ke Mahkamah untuk diputuskan. Tetapi kalau sudah nampak jelas perkara ini bertelingkah saya harap pada satu hari nanti Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara akan membawa pindaan kepada seksyen ini.

Saya cuma ada satu sahaja lagi perkara di bawah Rang Undang-undang ini yang mana saya sekarang ini belum dapat memastikan dengan sepenuhnya, dan oleh itu saya ragu-ragu sedikit hendak membawa kepada Devvan yang mulia ini, samada pindaan semacam ini bertentangan atau tidak dengan Perlembagaan kita. Saya bercakap demikian kerana kalau kita pandang kepada Perlembagaan kita yang hampir sama dengan Perlembagaan yang digunakan di negeri India ada satu peruntukan yang menyebutkan sama rata iaitu perkara 8 (1) yang berbunyi:

"All persons are equal before the law and are entitled to the equal protection of the law."

Ini perkara yang penting dalam Perlembagaan kita. Dengan pindaan ini kita telah bezakan cara perbicaraan dan saya tidak tahu mungkin di satu hari perkara yang semacam ini boleh digunakan oleh peguam-peguam apabila mereka hendak mengemukakan perkara ini di Mahkamah. Tetapi rasa saya kita boleh tunggu hingga pada masa itu, kerana saya telah melihat banyak kes-kes yang telah diputuskan oleh Supreme Court di India yang hampir sama dengan perkara ini. Itulah sebabnya saya kemukakan perkara ini dan saya harap kalau dapat Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara memberikan penjelasan sekarang saya ucapkan terima kasih. Dan kalau tidak pun saya sendiri juga mungkin akan mengkaji lagi dengan mendalam kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi (Supreme Court) di India yang mana perkara yang saya sebutkan ini adalah perkara yang hampir sama. Saya ada mempunyai 3-4 kes yang saya rasa tidak perlu saya sebutkan di sini kerana nampaknya kes itu agak hampir sama dengan apa yang kita hendak putuskan di Dewan ini.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan pada keseluruhannya saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.25 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.50 ptg.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

*{Dengan izin}* Mr President, Sir, I fully support this Bill because I think that it is essential that we have one Criminal Procedure Code for the whole of our country, which this Bill achieves. It is very interesting to note that several things have been put right. No Assizes have been held in this country since 1948, but there is still provision in the present Code and the amendments are designed to exclude all references to Assizes.

I would like to ask the Honourable Minister of Law and Attorney-General clarifications on just two points, Sir. My first point is on the definition of the age of criminal responsibility. It states here "For the number 'seven' appearing in the definition of 'youthful offender' substitute the number 'ten'". I see that it is an improvement from 'seven' to 'ten' but I wonder, being just a layman, why it should be 'ten'. I would have thought probably the figure 'twelve', Sir, i.e. 'twelve' is the age when children in Malaysia are first issued with identity cards and therefore apply on estates and other places for work. So I would have thought that probably 'twelve' might be a more suitable age.

The other one, Sir, that worries me slightly, though I am purely a layman, is the proviso, "in the case of statement: made by the person after his arrest, unless the court is satisfied that the caution was administered to him in the following words or words to the like effect:

"It is my duty to warn you that you are not obliged to say anything or to answer any question, but anything you say, whether in answer to a question or not, may be given in evidence"; and

(b) a statement made by any person before there is time to caution him shall not be rendered inadmissible in evidence

merely by reason of no such caution having been administered if it has been administered as soon as possible".

This is a very, very great departure from the normal procedure, Sir, as it is understood, particularly if one reads criminal literature and things like that. There is always this warning first and if the warning is not given, then the statement made before that is not admissible.

These are the only two points on which I seek clarification.

4.52 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:**

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya dan memberikan tahniah kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap undang-undang ini. Tetapi saya ingin bercakap sedikit berkenaan dengan Seksyen 113 seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi berkenaan evidence atau keterangan yang diberi oleh Inspector atau pegawai Polis yang berpangkat lebih tinggi daripada Inspector.

Saya menyatakan begini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bukanlah saya tak bersetuju atau tidak percaya dalam perkara ini, tetapi oleh kerana di dalam perkara undang-undang, tiap-tiap manusia di atas dunia ini ataupun warganegara Malaysia samada Melayu, China atau India atau Orang Putih, di mata undang-undang, warganegara negeri ini adalah dipandang sama sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kesulitan dalam perkara jenayah ini, kadang-kadang oleh kerana dengan paksa seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi kalau digunakan paksa kepada seorang itu oleh kerana dia takut di hadapan Inspector atau di hadapan ASP, walaupun dia tidak membunuh, dia mengaku membunuh, kerana dipaksa, ataupun dia takut dipukul ataupun lain-lain. Dengan sebab itu samada di hadapan Inspector atau pegawai yang lebih tinggi daripada Inspector, pegawai itu mestilah Majistret, Judge atau Hakim mestilah berhati-hati di atas perkara ini, kerana jikalau perkara ini tidak berhati-hati maka orang yang tak bersalah akan didapati salah kemudiannya. Oleh sebab itu, saya menyokong penuh atas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Kedua, berkenaan dengan Seksyen 127A dan 127B. Saya bukanlah sebagai ahli undang-undang, tetapi saya hendak bertanya sedikit-sebanyak kepada Menteri Undang-undang apabila kita membuat satu undang-undang, undang-undang itu saya fikir mestilah kena, jungan orang salah dapat terlepas. Sungguhpun kalau evidence tak betul, dia terlepas, tetapi undang-undang ini mestilah terlekat. Seksyen 127A antara lain menyatakan:

"127A. (1) Any offence under Chapter VI of the Penal Code, . . . .

- (a) on the high seas on board any ship or on any aircraft registered in Malaysia;
- (b) by any citizen or any permanent resident on the high seas or board any aircraft; or
- (c) by any citizen or any permanent resident in any place without and beyond the limits of Malaysia."

Saya hendak bertanya di sini mengenai permanent resident. Permanent resident akan dianggap sebagai citizen, sebab definasi permanent resident ialah orang itu boleh duduk menetap di sini, tetapi kewarganegaraannya bukan warganegara Malaysia, Boleh jadi permanent resident itu dia seorang: warganegara negeri China, Jepun, Amerika dan lain-lain. Seseorang itu boleh menjadi permanent resident, sebagaimana di Singapura jikalau dibayar \$750,000 atau \$250,000 dia boleh jadi permanent resident, tetapi di sini belum lagi, ataupun belum sampai masanya menjadi warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Extraterritorial Offences Act dan Treaty of Extradition. Kita hendak menggubal undang-undang yang keempat-empatnya hendak dijadikan satu. Kalau seorang penjahat ataupun orang yang melakukan jenayah, lari ke Singapura, ke Indonesia, ke Siam atau ke Philipina atau ke Iain-lain negeri mengikut yang saya katakan tadi tentulah ada perhubungan di antara Kementerian Luar Negeri dengan Kementerian Undang-undang iaitu kalau hendak lekat Undang-undang ini, sebagaimana yang dikatakan tadi undang-undang ini berkuatkuasa di luar Malaysia, "without and beyond the limits of Malaysia", iaitu bukanlah dalam negeri, kita tak ada right. Undang-undang ini mengenai kesalahan di luar Malaysia, seumpama di Singapura yang dahulu dalam

Malaysia tetapi sekarang sudah terkeluar dari Malaysia. Jadi adakah telah dibuat satu Treaty of Extradition dengan negara-negara lain? Kalau misalnya orang-orang India membuat salah, melarikan duit atau menyamun dia lari ke India, adakah undang-undang seperti itu untuk menangkapnya? Ini satu soalan penting dari saya, oleh kerana saya berkehendakkan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, maka undang-undang ini mestilah dapat dikuatkuasakan. Kalau kita buat undang-undang sahaja tak dapat dijalankan, orang salah itu boleh lari ke luar negeri, kita tak boleh tangkap, undang-undang ini tak ada gunanya.

4.59 *ptg.*

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini kerana sudah sampailah masanya Undang-undang Kanun Acara Jenayah ini diperkemaskan supaya dapat dikuatkuasakan dalam saat negara yang berada dalam keadaan yang tidak menyenangkan.

Sebagaimana kita sedia maklum dalam negara kita ini banyak undang-undang untuk menghapuskan ataupun mengawal jenayah-jenayah dalam negara kita ini. Kita ada undang-undang yang kita buat di Parlimen ini untuk menangkap mereka yang difikirkan merbahaya kepada negara dengan tidak payah kita bawa kepada mahkamah untuk dibicarakan, kita tangkap, kita simpan sahaja itupun ada safu undang-undang. Ada undang-undang yang kita buat juga di Dewan Parlimen ini untuk kita pindahkan sahaja, menghadkan perjalanan mereka di dalam satu-satu kawasan, asingkan daripada kawasan yang dia biasa duduk supaya dapat dihapuskan jenayah dalam kawasan yang dia duduk itu, itupun tidak payah dipersoalkan di dalam mahkamah. Ini satu undang-undang yang kita kemaskan iaitu undang-undang yang akan dipersoalkan di dalam mahkamah, itulah sebabnya rakan kita Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin mengemukakan hujah-hujah loyarnya butir-butir yang difikirkan tidak sihat dari segi keadilan dan kita dengar suara-suara daripada ahli-ahli undang-undang dalam negara kita ini menyuarakan berbagai-bagai suara bercampur-aduk dengan politik dan sebagainya supaya undang-undang ini tidak diluluskan oleh Dewan Parlimen kita.

Pada fahaman saya satu-satu undang-undang itu kita luluskan dalam Parlimen mahupun hendak dipersoalkan dalam mahkamah ataupun kita kenakan undang-undang itu supaya tidak dapat dipersoalkan oleh mahkamah adalah mempunyai tujuan-tujuan yang baik. Saya rasa Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir kita seorang manusia biasa yang mempunyai pengetahuan undang-undang yang sama dengan ahli-ahli Bar Council yang ada dalam negara kita yang tahu mana adil dan mana yang tidak adil, mana yang patut dipertahankan dan mana yang tidak patut dipertahankan. Dalam negara kita hari ini kalau kita kaji dengan halus kedudukan rakyat, kedudukan orang-orang baik-baik dalam negara kita ini sudah menjadi keadaan terancam, terancam kepada nyawa mereka, terancam kepada harta-benda mereka, terancam kepada keluarga mereka bahkan seorang loyar telah ditembak dalam pejabatnya, senang-senang di tengah Bandar Kuala Lumpur. Ini jenayah-jenayah yang berlaku di dalam negara kita terutama jenayah-jenayah yang berlaku di dalam Bandar Kuala Lumpur, jenayah-jenayah yang berlaku di Ipoh, Perak dan di sempadan-sempadan seperti Negeri Kelantan, Perlis dan Kedah. Kalau sekiranya kita hendak mempertahankan hak kebebasan manusia dari segi sama rata saya kata kita terpaksa memikirkan sejumlah besar daripada rakyat yang baik, yang ramai, yang suka kepada keamanan, kepada kebaikan dan ketenteraman negara, maka kita perlu mengambil sikap membuat dan memperkemas undang-undang kita supaya dapat kita mempertahankan yang ramai daripada yang sedikit yang boleh mengancam negara kita. Itulah sebabnya saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini supaya dapat Kerajaan, mahkamah dan Polis bertindak dengan cara berkesan supaya tidak lagi timbulnya jenayah-jenayah yang begitu banyak dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Ketua Polis Perak ditembak mati di tengah khalayak ramai di Ipoh dengan tidak siapa pun dapat mengesan sehingga sekarang siapakah penembak itu. Satu kejadian tembak Polis di Kuala Lumpur juga tidak dapat dikesan walaupun ditangkap, walaupun dibersihkan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi—sapu bersih, bersih-bersih-bersih, tangkap-tangkap-tangkap, tetapi tidak satupun

kenyataan yang diberi kepada rakyat yang menyatakan Mr A ini yang tembak Ketua Polis di Ipoh dan telah ditangkap dan dihukum pada saat ini. Inilah menjadi satu masalah negara iaitu menangkap orang yang benar-benar melakukan jenayah yang boleh menggemparkan negara kita hari ini. Ini perlu kita perkatakan dalam Parlimen, perlu kita perkatakan dalam Dewan Negara, bukan senang kita tangkap, tangkap, yang kita tidak tahu yang mana kita tangkap yang mana yang bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan cara Polis bertindak ke atas gangster-gangster yang ada di dalam negara kita ini di bandar-bandar besar bukan baru. Saya masih suka hendak ulangkaji setelah berlakunya 13 Mei apabila Kerajaan telah bertindak menangkap semua gangster yang ada dalam negeri kita ini yang mana Polis kenal sebab Polis ini pun banyak kenal gangster dan dia campur dengan gangster itu supaya dia dapat mengenali yang mana satu gangster. Selepas 13 Mei disapu bersih dan dihantar ke satu pulau simpankan gangster-gangster itu tetapi sehingga daripada tarikh itu perkembangan gangster-gangster ini makin sehari makin bertambah, jenayah-jenayah makin menjadi-jadi. Pada fahaman saya kerana tindakan yang dibuat oleh Polis itu pada waktu yang telah kemuncak, bukan tindakan menyeluruh secara berturut-turut, mengawasi secara berkesan di atas perkembangan orang-orang jenayah ini. Kalau sekiranya daripada tarikh 13 Mei itu kita sapu bersih dan kawalan Polis di atas kejadian-kejadian dan perkembangan gangster ini diperkuatkan daripada semasa ke semasa, saya rasa keadaan gangster itu tidak dapat hendak diperkembangkan dengan begitu besar dan begitu bahayanya kepada negara. Apabila sudah meletus balik kejadian tembak-menembak di sana-sini baru Polis berterkam mengambil tindakan cuba hendak sapu bersih balik. Maknanya cara kita bertindak itu apabila benda itu telah meletup baru kita mula bertindak, sepatutnya kita bertindak mengawal benda itu jangan dia jadi begitu berkembang, jangan menjadi begitu besar. Jadi tindakan itu hendaklah seterusnya supaya dapat dikawal perkembangan gangster-gangster ini.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang jahat atau penjenayah-penjenayah ini ada hubungan di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain, umpamanya, kalau kita

tidak pernah dengar jenayah berlaku di Negeri Kelantan di tempat 90% penduduknya orang Melayu yang sentiasanya aman damai hari ini telah menjadi-jadi kejahatan, jenayah-jenayah, colek-mencolek, ugut-mengugut dan berbagai-bagai kejadian yang berlaku di Kelantan. Ini berpunca daripada orang-orang jahat ini berpindah. Kalau dia diburu di Ipoh, dia berpindah ke Kelantan, ke Kota Bharu, dia berpindah ke Kuantan bekerja sebagai buruh dan sebagainya sambil menjalankan kerja-kerja jahat itu. Kalau orang itu duduk di sebelah Sungai Golok, mereka melakukan kejahatan di sebelah Kelantan kemudian lari di sebelah sempadan, jadi kalau sekiranya kita bersihkan, kita hambat dan buru mereka sampai ke sempadan, tanggungjawab kita sudah cukup, kita telah berjaya memburu ke sempadan, kemudian mereka akan datang lagi, buru lagi, datang lagi, buru lagi; datang lagi, tidak habis. Ini perlu kita kaji dengan mendalam cara mana kita patut bergerak, kalau mereka ini kita buru setakat sempadan tidak boleh memberi kesan kepada keamanan negara kita, maka kita perlu berunding dengan negara yang di sempadan itu. Kalau kita telah berunding dengan negara yang di sempadan itu, kita berunding dengan cara yang bersungguh-sungguh, kita berunding dengan cara yang boleh mengeluarkan hasil untuk keamanan negara kita, yang saya tahu kita bermesyuarat hal sempadan ini berpuluh-puluh kali, beratus-ratus kali tetapi kesannya sangat sedikit. Hasil daripada rundingan itu tidak memberi kesan yang banyak kepada keamanan negeri-negeri yang ada di sempadan-sempadan.

Keburukan yang timbul hari ini telah kita dapat dengar di negeri Selatan Siam, penunjuk-penunjuk perasaan beribu-ribu berhimpun, di dalam negeri Siam sekarang ini sudah ada berbagai-bagai puak dan puak-puak itu boleh mengancam keselamatan negeri kita. Puak-puak kominis, puak-puak yang mahu kepada perpisahan Selatan Siam dengan negeri Siam, puak-puak jahat yang cuba hendak cari wang, mata-benda dan berbagai-bagai perkara yang berlaku. Ini perlu kepada satu keadaan yang mesti kita hubungkan negara kita ini dengan negara sempadan supaya cara putus menyelesaikan masalah ini, jangan kita sapu-sapu di bawah carpet, di bawah tilam ataupun tikar sampah-sampah sarap yang timbul daripada kejadian-kejadian yang ada itu.

Saya bimbang bukan perkara jenayah yang akan berlaku akan melibatkan jenayah itu dengan politik negara, akan melibatkan keadaan keselamatan orang-orang Melayu kita yang ada di negeri Siam. Ini perkara besar dan perkara negara yang perlu diambil satu-satu tindakan yang wajar bagi menyelesaikannya sebab kita bersempadan, kita tidak mahu negara kita timbul berlaku sesuatu yang tidak baik dengan Kerajaan Siam, Kerajaan Thai. Tetapi kita tidak mahu juga orang-orang Meiyau Islam yang ada di negeri Selatan Siam itu dianiayakan, dibunuh dan dilakukan berbagai-bagai perkara yang mana mereka ini sekiranya jadi apa-apa hal akan merempuh, melanda masuk ke negeri kita dan apabila mereka ini melanda masuk ke negeri kita, maka negeri kita akan terjejas dengan anggota-anggota yang kita tidak kenali, siapa yang benar jujur kepada negara, siapa yang benar bersemangat kebangsaan, siapa yang sebenarnya mahu kepada perkara yang baik. Ini yang kita bimbang. Jadi keadaan jenayah yang berlaku di negeri kita ini ada juga kaitan apabila mereka itu duduk dekat negeri-negeri yang bersempadan. Saya sebut perkara ini bukanlah kerana saya hendak tegur Menteri Dalam Negeri kata telah hambat ke sempadan, tetapi saya mahu supaya Menteri yang berkenaan memikirkan perkara ini dengan secara yang lebih serious daripada apa yang dijawab kepada Ahli yang bertanya dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang kita boleh buat, kita perkemaskan undang-undang, kita aturkan undang-undang, tetapi apa yang perlu ialah perlaksanaan undang-undang itu. Perlaksanaan undang-undang ini perlu kepada penyusunan, penyusunan di jabatan yang menjalankan perlaksanaan undang-undang itu. Kalau kita katakan Jabatan Polis, Jabatan Polis perlu diperkemaskan, kalau susunan tidak begitu kemas; diperkemaskan, kalau alat tidak begitu moden; dimodenkan. Saya puji sekarang Kerajaan beri Brengun kepada Polis. Ini satu langkah yang bijak kerana orang jahat tembak mudah kena, Polis tembak tidak kena dengan pistol. Jadi diberi Brengun, dia tembak itu mesti kena, dia sapu siapa ada di hadapan—habis. Itu satu langkah yang bijak, tetapi bimbang takut sapu sekali orang yang ada dekat itu habis dengan Brengun itu. Ini yang takut, tetapi maknanya kalau Polis kita tidak pandai



menembak, latih dia menembak, jadikan dia sharp-shooter, pilih orang-orang yang pandai menembak masukkan dalam anggota Polis, beri latihan yang betul supaya darjah kepandaian di dalam menembak itu mengatasi darjah kepandaian penjahat-penjahat atau gangster itu menembak, biar kita lebih pandai daripada gangster pandai, barulah gangster ini takut. Mereka tengok Polis pakai pistol besar, panjang, tembak tidak kena, mereka tidak takut. Pistol mereka pendek, simpan dalam poket, tembak kena. Jadi, kita perlu kepada kecekapan dalam perlaksanaan, dalam kuatkuasa undang-undang ini kita perlu kepada anggota-anggota yang cekap, kita perlu kepada susunan dan alat yang cukup dalam melaksanakan undang-undang kita.

Satu lagi yang penting kita perlu memberi kesedaran kepada rakyat supaya mereka ini bersama-sama dengan Kerajaan menghapuskan jenayah-jenayah ini. Saya suka hendak beritahu kepada Dewan ini, umpamanya, dalam bandar Kaherah, Mesir, jarang sekali berlaku kejadian jenayah di dalam bandar itu kerana kalau ada satu orang yang melakukan satu jenayah semua orang pergi tangkap orang itu, dengan perasaannya sendiri, mereka hambat penjahat itu sampai tertangkap, tidak perlu kepada Polis lagi. Mereka pukul orang itu, jadi tidak ada siapa yang berani hendak membuat kejahatan di dalam bandar, di tempat orang yang ramai kerana orang ramai akan memukul si penjahat itu. Jadi latihan ini perlu cara mana kita hendak buat, umpamanya, macam di Kelantan, di Kelantan kalau satu orang pencuri mencuri satu barang dalam pasar atau dalam pekan, kalau satu orang berkeria kata pencuri semua orang hambat pencuri itu, tangkap pencuri itu. Tetapi di Kuala Lumpur tidak, tembak pun dia tidak hambat; jangan katakan mencuri, itu dia kata dia punya fasal, dia curi itu dia punya fasal, jangan campur nanti kita susah kena jadi saksi Polis, semua orang takut. Jadi orang yang begitu ramai takut kepada orang jahat yang seorang, jadi inilah yang susah hendak kita hapuskan penjenayah-penjenayah itu. Kalau sekiranya dapat kita jalankan satu gerakan, katakanlah, menerusi Rukun Tetangga ini kita jaga malam, tunggu cari orang jahat tetapi ini cara kita masukkan dalam jiwa dan hati dan fikiran orang kita ini di mana dia duduk, tidak kira dia jadi Rukun Tetangga ataupun tidak Rukun Tetangga, di mana

dia ada, kalau ada jenayah berlaku, maka dia akan memberi pertolongan untuk menghapuskan jenayah-jenayah. Inilah satu perasaan yang patut disemai, ditanam, diasuh, diajar, baik daripada sekolah, di mana-mana tempat di dalam mana-mana kumpulan ini patut diberi galakan dan ajaran.

Kita ada mempunyai berbagai badan, berbagai pertubuhan dalam negara kita, maka menerusi pertubuhan-pertubuhan ini kita boleh berikan ajaran menerusi pertubuhan-pertubuhan yang kita ada ini, memberi peransang supaya mereka ini mempunyai tanggungjawab dan perasaan untuk menghapuskan jenayah-jenayah di dalam negara kita. Maka kalaulah ini berlaku undang-undang ini akan dapat merengankan sedikit beban dan barangkali kuranglah sedikit mahkamah-mahkamah kita terpaksa membicarakan kes-kes jenayah yang begitu banyak pada masa ini. Inilah yang saya katakan, kita perlu kepada berbagai-bagai perkara, bukan sahaja perkara mengemaskan undang-undang, mengaturkan undang-undang tetapi kita mesti mengkaji dalam semua aspek yang berkaitan dengan kejadian jenayah dan yang berkaitan dengan gerakan mencegah penjenayah supaya dapat kita tenteramkan negara kita dan supaya dapat kita menghadapi masa hadapan dengan lebih cerah.

5.22 *ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara kita yang telah dapat membuat satu undang-undang yang meliputi seluruh Malaysia kita. Apa yang saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara kita apa-apa undang-undang yang diluluskan dalam Parlimen ini hendaklah dijalankan, sebab ada dua Bil yang sudah diluluskan di Dewan ini tetapi tidak berjalan. Satu darinya berkenaan dengan orang-orang yang membuat kesalahan membunuh orang dengan senjata tidak berjalan dan lagi satu berkenaan dengan pengedar dadah, kedua-dua ini telah diluluskan dan kedua-duanya hukuman bunuh.

Beberapa orang telah dapat ditangkap kerana melakukan kesalahan-kesalahan

menggunakan senjata begitu juga orang-orang yang telah ditangkap kerana mengedar dadah, hingga hari ini kita tidak dengar orang-orang yang membuat kesalahan itu dihukum bunuh, maknanya undang-undang kita tidak tegas dan ada loop-holes yang mana orang-orang membuat kesalahan itu boleh lepas atau masuk penjara sekian-sekian lama atau seumur hidup. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang saya kasihi, pada masa akan datang akan tegas tiap-tiap yang diputuskan di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara ini tolonglah jalankan supaya jangan public atau rakyat ketawakan kita, kamilah Wakil Rakyat yang menerimanya. Itu pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, masa akan datang saya berharaplah apa sahaja undang-undang yang diluluskan ini biarlah tegas dan dapat dijalankan.

5.26 *ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong undang-undang ini. Jikalau diperhatikan semakin hari semakin berlebihan usaha Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara kita membuat undang-undang, memperketatkan undang-undang, tetapi malangnya beberapa maksima penalti yang dilakukan oleh hakim-hakim terhadap undang-undang kita ini. Sekiranya di satu masa kelak keluarga ataupun hakim-hakim itu sendiri terkena bagaimana yang telah banyak polis ataupun orang ramai terkorban pada masa itulah baham sedarkan diri.

Ini satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pandangan kepada Dewan ini yang telah berlaku tetapi tidak dijalankan. Seorang mata-mata gelap bernama Wan Bokri bin Wan Daud, Special Branch Ipoh, telah menembak orang awam di Bukit Berapit, sudah tiga bulan belum ada penyiasatan dijalankan, bahkan orang yang kena tembak itu telah keluar hospital. Orang yang kena tembak itu dan rakan-rakannya bukannya orang lain iaitu orang Kerajaan yang sepatutnya perkara ini telah diambil tindakan oleh pihak polis. Begitu juga banyak lagi perkara yang lain yang patut diambil perhatian berat untuk tindakan supaya tidak ada lagi berlaku jenayah-jenayah yang rakyat jelata pada setiap masa memerhatikan dan memperlihatkan bagaimana keadaan negara kita ini. Saya beri contoh berapa banyak orang-orang yang kena ugut, kena samun tidak melapurkan

dirinya kepada polis. Ini satu perkara yang besar iaitu orang takut khasnya perkara ini telah berlaku kepada orang-orang luar negeri iaitu takut menanam modalnya dalam negeri ini.

5.28 *ptg.*

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ucapan, memberi pandangan dan memberi teguran kepada Rang Undang-undang yang saya bawa ke Dewan ini.

Tibalah masanya saya menjawab atau menerangkan seberapa yang boleh atas teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar yang akhir sekali ini, saya haraplah kalau betul perkara itu berlaku, dan saya sendiri tidak tahu seorang Mata-mata Gelap telah menembak seorang awam telah luka dan belum disiasat lagi. Saya harap beliau akan menulis surat kepada saya atau kepada pihak polis supaya saya tahu tindakan akan diambil untuk disiasat dalam perkara itu. Boleh jadi perkara itu telah disiasat tetapi belum diputuskan lagi, saya tidak tahulah.

Berkenaan dengan orang-orang kena ugut dan kena samun takut merepot atau mengadu kepada polis, ini ada sebilangan kecil yang berlaku, tetapi saya memberi keterangan di sini kalau tidak dapat kerjasama, yang kita mahu tiap-tiap seorang samada kena ugut, kena samun atau satu jenayah telah dilakukan ke atas dirinya atau hartanya, mereka itu tidak mahu atau tidak tampil ke hadapan merepotkan atau memberitahu kepada Balai Polis, maka saya percaya perkara ini akan menambahkan lagi jenayah negeri kita dan susah bagi Kerajaan dan pihak yang berkuasa mengambil tindakan kepada mereka. Kalau sekiranya mereka takut memberitahu kepada pihak polis saya percaya pihak polis akan memberi seberapa yang boleh perlindungan kepada mereka itu. Dengan sebab itulah dalam satu undang-undang yang kita bahaskan dan yang telah diluluskan iaitu percabaran Kes-kes Keselamatan dalam negeri yang mana setengah-setengah saksi cuma sanggup memberi keterangan dalam percabaran di mahkamah dengan nama dan mereka itu tidak dapat dikenali oleh orang yang dituduh atau siapa jugapun oleh sebab takut kena balas dendam kepada mereka itu.

Perkara ini memang ada berlaku dan kita berharap walau macam manapun mesti ada kerjasama dan keberanian kepada rakyat-jelata merepot perkara-perkara yang berlaku seperti itu.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Yaacob, sebenarnya Undang-undang yang diluluskan itu baru setahun dua dan yang saya tahu, misalnya, kesalahan bagi pengedar Dadah Berbahaya yang boleh dihukum samada penjara seumur hidup dan dirotan 6 kali atau dihukum mati, itu ada 4-15 kes yang telah saya beri keputusan atau kebenaran supaya dibicarakan di mahkamah tinggi. Perkara ini belum satu kespun selesai dibicarakan. Ada satu dua kes yang sedang dibicarakan. Sebagaimana kita tahu penyiasatan kadang-kadang mengambil masa 6 bulan dan dibicarakan di mahkamah tinggi mengambil masa 6 bulan kadang-kadang setahun, ini mengambil masa. Kita tunggulah kerana kes-kes itu belum ada keputusan perbicaraan, bukan tidak didakwa mereka itu sebab ada 10-15 kes.

Berkenaan dengan kes tembak yang menggunakan senjatapi penalti hukuman lebih berat. Perkara ini begitu juga telah banyak kita tangkap dan dituduh di Mahkamah tetapi setengah-setengah belum dibicarakan lagi yang adanya pula sedang dibicarakan. Tetapi saya mengingatkan di sini, ada senjatapi dalam melakukan sesuatu jenayah rompakkan itu tidak membawa kepada hukuman bunuh. Melainkan jika seseorang itu mencabut senjatapinya seperti pistol dan menggunakannya samada kena atau tidak barulah boleh dihukum gantung. Tetapi kalau dicabut sahaja dan dibawa semasa merompak, itu menggunakan senjatapi, boleh dihukum jel seumur hidup. Kalau dia membawa senjatapi dan dapat ditangkap, hukumannya jel dan rotan. Jadi yang membawa kepada hukuman gantung itu ialah yang menggunakan senjatapi samada orang itu tembak kena atau tidak kena, luka atau tidak orang itu baru boleh dihukum gantung.

Saya tahu, saya cakapkan satu kes telah habis dibicarakan dan maaf saya bercakap, pagi esok pukul 5.00 pagi orang yang pertama akan digantung. Sepatutnya saya membuat pengisytiharan hari esok semasa hukuman gantung, tetapi oleh sebab didesak sangat terpaksa saya menerangkannya. Itu adalah kes yang pertama. Hukuman itu ada dijalankan tetapi kita tidak boleh membuat penerangan

siang-siang sebab akan timbul pula nanti perasaan masing-masing akan menyusahkan Kerajaan dan kita juga. Dan ini telah berlaku. Tetapi sebab didesak sangat, kalau tidak dijawab akan dikatakan undang-undang tidak berjalan, dan kalau saya memberi satu-satu jawapan perkara ini akan timbul, dan esok berlaku pula satu-satu perkara. Kalau boleh saya minta lusa kita keluarkan kenyataan. Saya minta wakil-wakil akhbar yang di sebelah sana jangan keluarkan perkhabaran ini, dan saya minta lusa ataupun selepas digantung baru dikeluarkan perkhabaran itu. Saya minta kerjasama akhbar-akhbar dalam perkara ini.

Berkenaan dengan teguran-teguran daripada Datuk Syed Hassan, perkara ini yang sebenarnya bukanlah kerja Kementerian saya dan teguran-teguran dan pandangan-pandangan itu akan dibawa ataupun dihantar kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri . . . .

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Datuk Nik Hassan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Datuk Nik Hassan, maafkan saya. Orang lain bercakap, orang lain dapat nama (*Ketawa*). Perkara ini akan kita majukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya percaya perkara ini akan diambil tindakan.

Berkenaan dengan jenayah yang memang banyak berlaku baru-baru ini khasnya di sempadan Thailand dengan Kelantan yang mana banyak yang dicolek dibawa lari ke Kelantan. Perkara ini saya menerangkan di sini iaitu apa yang berlaku di Selatan Thailand kita sebagai negeri jiran tetangga yang baik mesti memegang prinsip antarabangsa iaitu kita tidak sekali-kali mengganggu hal-ehwal apa yang berlaku dalam negeri lain, khasnya negeri jiran-tetangga kita Thailand. Perkara itu ialah hak mereka dan cara-cara mereka itu terpulanglah kepada mereka sendiri dan kita sebagai negeri jiran tidak ada hak dan tidak berniat mengganggu apa yang berlaku di negeri itu. Tetapi sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, perkara yang berlaku di sempadan pada masa yang akan datang akan datang akan mengalir ataupun full stock misalnya menyeberang sempadan masuk ke Kelantan dan bimbang perkara jenayah itu akan merebak ke Kelantan. Ini kita boleh meminta kerjasama Kerajaan berkenaan dengan jenayah yang berlaku misalnya di

selatan Thailand yang akan lari ke Kelantan dan yang berlaku di Kelantan akan lari ke Thailand.

Perkara itu difikirkan patut kita boleh bekerjasama dengan Kerajaan tetangga kita supaya dapat diselesaikan. Tetapi perkara yang berlaku, saya menerangkan di sini supaya jangan silap khususnya akhbar-akhbar yang menyiarkan berita esok, Kerajaan kita tidak sekali-kali dan saya percaya tidak sekali-kali ada niat hendak campur tangan dengan apa yang berlaku dalam negeri lain khususnya yang bersempadan dengan negeri kita.

Yang Berhormat Datuk Crawford ada menyatakan fasal umur yang perubahan dibuat dari 7 tahun ke 10 tahun, kalau boleh, katanya, dibuat 12 tahun. Sebenarnya, Undang-undang yang ada sekarang ini tiap-tiap kanak-kanak yang berumur 7 tahun atau lebih yang membuat kesalahan boleh ditangkap dan didakwa di Mahkamah Budak-budak. Kita fikirkan umur 7-8 tahun ini pada masa itu dan 9 tahun adalah seorang yang telah boleh dikatakan belum cukup fikiran tetapi dalam bahasa Arab ke Melayu "membezakan antara salah dengan tidak salah". Pada pandangan kita 7 dan 10 tahun itu sangat rendah hendak ditangkap budak-budak yang melakukan sesuatu kesalahan pada segi undang-undang. Kerana difikirkan belum lagi sempurna akal hendak memikirkkan samada perkara itu salah atau tidak pada segi undang-undang. Jadi kita pinda itu kalau dulu 7 tahun ke atas sekarang 10 tahun ke atas sahaja baru boleh ditangkap mereka itu ataupun dibicarakan di Mahkamah kerana melakukan jenayah ataupun kesalahan di bawah undang-undang. Sebab kita ada dengar kadang-kadang budak-budak berumur 10-11 tahun pun ada cuba hendak merogol (*Ketawa*). Zaman sekarang ini nampaknya umur yang rendah pun sudah matang dalam perkara ini. Boleh jadi oleh kerana negeri panas, dia lekas baligh, saya tidak tahulah. Tetapi cadangan hendak menaikkan 12 tahun, saya tidak setuju, kerana tahu umur sebelum 12 tahun ada perempuan kebanyakannya telah baligh dan tahu yang mana salah dan tidak salah. Dan lelaki pun 10-12 tahun mereka itu sudah matang dan tahu di antara salah dan tidak salah, jadi yang kita boleh naikkan had umur ialah 10 tahun. Tetapi tidak boleh naik lebih daripada itu.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik ada bercakap berkenaan dengan perkara ini. Ini betul-betul ada berlaku. Saya tidak menafikannya. Kerana dari pengalaman saya yang lama sebagai Peguam Negara sebagaimana bukan semua, cuma ada sebilangan kecil pihak polis ini mengugut ataupun menggunakan kekerasan untuk mendapatkan keterangan-keterangan ataupun perkara-perkara yang berlaku itu betul-betul dilakukan oleh orang yang ditangkap. Sebenarnya, tidak ramai hanya sebilangan kecil sahaja tetapi oleh kerana perbuatan seperti memukul, mengugut orang ditahan itu akan mencemarkan nama baik pihak polis. Sehingga sekarang ini pun di atas meja saya ada satu siasatan yang saya arahkan daripada apa yang berlaku dalam lokap dan saya belum buat keputusan lagi samada hendak dituduh di Mahkamah atau tidak atas seorang Pegawai Polis itu. Perkara ini ada berlaku. Ini tidak bermakna kita tidak boleh membuat undang-undang yang ada. Saya akan beritahu kepada semua Pegawai-pegawai Undang-undang dan Timbalan Pendakwa Raya hendaklah meneliti sehalus-halusnya di atas apa-apa keterangan yang diambil oleh pihak Polis. Yang keduanya kita akan memberi arahan kepada semua Pegawai-pegawai Polis sebagaimana kita buat iaitu Public Prosecutors' Instruction, peraturan ataupun arahan yang dikeluarkan oleh Pendakwa Raya kepada semua Pegawai Undang-undang dan juga semua Pegawai-pegawai Polis pada menjalankan acara-acara jenayah dengan mengambil statement di bawah cautioned statement dan lain-lain. Saya ingin menerangkan di sini statement ataupun keterangan yang diambil ataupun ditulis oleh seorang yang berpangkat Inspektor ke atas bukanlah digunakan sebagai keterangan, cuma boleh digunakan sebagai for the purpose of examination yang boleh digunakan dengan tujuan untuk menyoal balik supaya hendak tahu seorang itu adakah dia memberi keterangan yang cukup atau tidak di dalam mahkamah, itulah tujuannya yang besar.

Berkenaan dengan permanent resident, ini kita tahu iaitu di negeri kita ada tiga peringkat manusia. Satu, dipanggil rakyat. Kedua yang bermastautin iaitu taraf bermastautin ataupun permanent resident di negeri kita yang mana lepas suatu masa kelak boleh dikira kediaman dia itu ataupun genap 8-10 tahun boleh memohon mendapat kerakyatan negeri ini. Dan yang lagi satu itu bukanlah

permanent resident, tetapi orang yang datang menziarah ataupun menumpang.

Kita tahu negeri kita ini ada ramai dan saya fikir ada lebih kurang 250,000 orang yang mana mereka itu beranak dan tinggal di sini sebagai permanent resident atau bermastautin di negeri ini dan tidak ada niat lagi hendak balik ke negerinya, cuma kerakyatan itu sahaja yang ada dan mereka yang dilahirkan di negeri ini belum diambil atau belum dapat lagi diluluskan oleh Kerajaan. Mereka ini adalah disifatkan sama dengan rakyat jelata dari segi jenayah sebagaimana kes yang berlaku dalam masa dharurat dahulu yang mana kita ada perselisihan (konfrantasi) dengan Indonesia yang pada masa itu ada 7-9 orang daripada mereka yang bermastautin di negeri ini tetapi bukan rakyat Malaysia. Mereka telah pergi ke Indonesia (Sumatra), dilatih di sana dan apabila mereka sampai di sana, mereka menyerang balik rakyat Malaysia. Mereka itu telah dibicarakan sehingga Privy Council menjatuhkan hukuman kerana mereka itu didapati salah serta dihukum bunuh atau hukum gantung, dan katanya dalam keputusan (judgement) dari Privy Council; seseorang itu sungguhpun bukan rakyat tetapi telah tinggal dalam negeri itu dan menikmati segala-galanya yang ada dalam negeri itu tidak patut dalam masa peperangan, atau membuat kesalahan, lari ke tempat lain dan boleh menyerang negeri dia ataupun membuat kesalahan tetapi dia lepas daripada tuduhan jenayah yang bermakna kesenangan dan kemudahan bolehlah dikatakan sama dengan rakyat jelata, tetapi tentang jenayah dia lepas pula. Inilah sebabnya permanent resident dan juga warganegara kita kalau berlaku perkara-perkara yang disebutkan di bawah Seksyen 127B hendaklah disifatkan sama.

Berkenaan dengan extra-territorial jurisdiction, atau yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sememang kita ada membuat peraturan atau perjanjian dengan negeri-negeri jiran kita, negeri-negeri yang selalu berhubung rapat dengan kita berkenaan dengan bertukar-tukar jenayah. Misalnya, baru-baru ini kita berhubung dengan Indonesia, Singapura dan ada lagi negeri-negeri lain yang belum kita selesaikan lagi disebabkan technical dalam perkara itu. Kita akan buat untuk memudahkan penjenayah-penjenayah yang lari daripada negeri kita ke negeri-negeri itu supaya dapat kita pohon mereka itu untuk ditangkap dan dikembalikan ke negeri ini untuk dibicarakan. Tetapi tujuan undang-undang berkenaan

dengan Extra-territorial Offences Act, 1975 yang akan dibincangkan di masa yang akan datang dalam Dewan ini bukanlah jenayah yang dilakukan di dalam negeri ini. Ianya diberi kuasa kepada Mahkamah di negeri ini untuk membicarakan kerana selama ini Mahkamah tidak ada kuasa terhadap kes-kes jenayah yang dilakukan oleh rakyat kita atau orang yang bermastautin di luar wilayah Malaysia. Misalnya di Australia, New Zealand, England, Mesir di mana penuntut-penuntut kita ramai di sana. Jenayah yang saya sebutkan di sini (bukan semua jenayah) ada empat perkara sahaja. Satu daripadanya ialah Chapter VI—iaitu menderhaka (treason). Ini saya fikir mereka itu ada membuat rancangan hendak menggulingkan Raja kita, atau membuat ucapan untuk menjatuhkan Raja kita yang mana ada setengahnya berlaku. Di dalam Dewan Rakyat ada yang mengatakan mereka itu patut, sungguhpun rakyat Malaysia samada di negeri lain adalah bebas samada hendak beraja atau tidak. Saya kata itu merbahaya. Kalau rakyat negeri kita boleh berucap seperti itu di luar negeri, tetapi di dalam negeri kita tidak boleh, kerana ini adalah satu bahaya.

Yang keduanya, Official Secrets Act. Ini ialah memecahkan rahsia-rahsia Kerajaan yang mana membahayakan kepada negara kita dan mereka itu boleh ditangkap kalau didapati berbuat begitu di luar negeri. Satu lagi Undang-undang Sedition atau dalam Bahasa Kebangsaannya Menghasut. Di negeri kita kalau siapa sahaja yang membuka mulut di atas empat perkara yang saya sebutkan itu akan ditangkap dan dihukum. Saya ingat ada satu kes yang mana mengatakan; tutuplah Sekolah China, itu sahaja sepatah, mereka itu telah dihukum. Kalau perkara ini dibiarkan berlaku oleh penuntut-penuntut kita di luar negeri, katakanlah seramai 6,000 penuntut kita berada di Australia, mereka itu bebas dan setengah-setengah ketua penuntut itu berucap siang dan malam berbulan-bulan di hadapan satu kumpulan penuntut yang beratus-ratus atau beribu-ribu orang yang mengatakan empat perkara, misalnya Hak Asasi, Hak Kerakyatan atau Hak Istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan juga berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan. Perkara ini tidak boleh disebutkan dan diungkit-ungkitkan di negeri kita. Sekiranya mereka ini dibenarkan menghasut dan menjenayahkan perkara ini serta membuat ucapan yang berapi-api di luar negeri dan mempengaruhi anak-anak kita

yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum yang menuntut di sana, dan apabila balik kelak mereka ini akan menimbulkan perasaan menjarakkan perhubungan antara kaum. Perkara ini ada berlaku, misalnya, penuntut-penuntut Melayu ada membuat perkara-perkara berapi-api dalam Undang-undang Hasutan yang mengatakan tidak puas hati mengapa diberi hak-hak kepada orang-orang yang bukan Melayu dan sebagainya. Dan kepada orang yang bukan Melayu pula membangkitkan persoalan mengapa Bahasa Malaysia sahaja dijadikan bahasa rasmi dan mengapa bahasa China, bahasa Tamil tidak ada. Ini berlaku di luar negeri siang dan malam. Apa akan jadi kepada mereka yang berkelulusan ijazah apabila balik ke negeri kita kelak dengan mempunyai perasaan yang tersemai begitu. Perkara itu tidak patut dibawa balik ke negeri kita, maka kita bicarakan mereka. Ada setengah-setengahnya pula berkata macamana hendak dibicarakan kerana ia berada di luar negeri. Perkara ini akan dibicarakan apakala mereka balik dan ditangkap jika ada keterangan yang cukup mereka ini hendaklah dibicarakan. Perkara ini akan menakutkan mereka untuk balik dan juga ada pula mereka yang tidak hendak balik, tetapi saya rasa kalau tidak hendak balik Alhamdulillah, tidak ada menguntungkan kepada negara kita. Kalau dia takut untuk balik ke tanah air, saya fikir tidak akan merugikan negara kita dan saya percaya rakyat jelata dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan menyokong dalam perkara ini.

Yang ketiga, tujuannya ialah bukan kita hendak membimbangkan supaya menakutkan fikiran mereka untuk membuat perkara-perkara ini di luar negeri, pada hal penuntut-penuntut Universiti kita di Malaysia (ada lima buah universiti) tidak berhak langsung membuat atau berucap mengenai perkara hasutan, sekiranya mereka berbuat demikian, mereka akan dihukum. Saya fikir di atas empat perkara inilah jangan timbul salah faham. Penjenayah-penjenayah lain tidak boleh ditangkap atau yang membuat kesalahan di dalam negeri ini. Misalnya, "boo" kepada Menteri atau Menteri-menteri lain apabila pergi keluar negeri. Perkara itu di negeri lain tidak menjadi kesalahan dan menjadi perkara yang biasa di sana. Tetapi perkara semacam itu walaupun 1,000 kali "boo" kita tidak akan tuduh dia di sini, itu hanya perbuatan yang menjatuhkan maruah Menteri kita dan kita mengambil tindakan

lain seperti scholarship mereka hendaklah kita fikirkan.

Saya terpaksa menerangkan lebih lanjut di atas perkara itu kerana takut akan timbul salah faham mengenai Extra-territorial Offences Act, 1975 dan undang-undang ini bukan sahaja dibuat di negeri lata malah di India dan di negeri lain juga telah mengadakan undang-undang seperti itu yang mana akan menguatkuasakan penjenayah-penjenayah yang berlaku dan apabila mereka yang melakukan jenayah itu balik boleh dibicarakan di dalam negeri kita.

Ada dua tiga perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin berkenaan dengan Seksyen 113, perkara itu saya sudah terangkan tadi, tetapi perkara ini timbul di England yang mana percakapan dengan pihak Polis boleh diterima, kalau bukan berpangkat Inspector pun boleh diterima, tetapi undang-undang kita mengikut undang-undang yang ada di dalam negeri India iaitu Criminal Procedure Code atau Kanun Acara Jenayah mengikut apa yang ada dalam undang-undang di negeri India. Negeri India telah menjalankan undang-undang hampir 100 tahun. Pada masa India di bawah Pemerintahan Inggeris, orang-orang Inggeris pada masa itu memang tidak percaya pada Polis orang-orang India ini apabila mengambil statement itu dan sememangnya tidak dibenarkan sama sekali walau Pangkat Inspector ke bawah tidak dibenarkan mengambil statement, padahal di negerinya dibenarkan dan kitapun mengikut pula, maknanya Polis-polis kita di sinipun tidak boleh dipercayai juga mengambil statement. Tetapi setelah 13 tahun merdeka sekarang dan yang kita beri kuasa ini pada pangkat Inspector ke atas dan Inspector ini yang telah diberi didikan dan pelajaran yang tinggi. Saya fikir patut kita memberi kepercayaan pada mereka itu mengambil statements atau keterangan-keterangan daripada orang-orang, saksi-saksi atau orang-orang yang ditangkap bagaimana yang disebutkan di dalam Undang-undang ini. Saya percaya walaupun ada satu dua, sebilangan yang kecil sebagaimana yang dikatakan dengan sebab hendak sangat naik pangkat atau hendak cari nama baik, boleh jadi ada menuliskan perkara-perkara yang tidak patut atau perkara yang berlainan daripada apa yang dicakapkan, dan kita akan selidiki dalam perkara ini.

Pindaan yang satu lagi di mana perbicaraan yang berlaku di Mahkamah Rendah boleh

dipindahkan ke Mahkamah Tinggi dengan permintaan Hakim yang membicarakan atau oleh Pendakwa Raya. Di sini betul iaitu dalam tiap-tiap kes yang dibicarakan di dalam Mahkamah Tinggi mereka yang dituduh dan lawyernya akan menerima keterangan-keterangan daripada saksi-saksi sebelum dibicarakan kes itu kalau ada siasatan awal atau preliminary enquiry diadakan di Mahkamah Rendah, dan dalam setengah-setengah kes keselamatan dalam negeri dikatakan tidak ada siasatan pertama ataupun preliminary enquiry, inti-inti atau gists keterangan-keterangan daripada tiap-tiap saksi akan diberi kepada yang didakwa dan peguam. Di sini sememang tidak ada peruntukan itu dan saya menerangkan di sini adalah dengan satu sebab iaitu kes-kes yang saya katakan tadi yang dibicarakan oleh Mahkamah Rendah atau Sessions Court. Biasanya kes-kes yang dibicarakan oleh Mahkamah Rendah (Sessions Court) ini adalah kes-kes yang dihukum selalunya di bawah 5 tahun atau 10 tahun iaitu kes-kes kecil. Kalau Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen apabila membicarakan kes itu dengan charge sahaja, dengan tidak payah lain keterangan, maka adalah difikirkan Tuan Hakim juga kalau memindahkan kes itu kepada Hakim yang di atas boleh juga membicarakan seseorang itu dengan tidak payah lagi diberi keterangan-keterangan ataupun a gist of the evidence to the accused atau kepada orang yang dituduh itu kerana kalau Majistret boleh buat, President of Sessions Court boleh buat, maka saya percaya Mahkamah-mahkamah Tinggi, Hakim-hakim boleh membicarakan kes itu kerana kes itu bukanlah kes yang besar seperti kes bunuh, kes membawa senjata dan lain-lain yang mana keterangan awal akan dibuat di Mahkamah Rendah baru kita hantarkan ke Mahkamah Tinggi. Ini saya fikir jarang-jarang kes-kes ini yang kita hantar, kita pindahkan dengan satu-satu sebab yang nyata dan mustahak baru kita pindahkan daripada Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret supaya terus dibicarakan oleh Hakim yang di atas.

Berkenaan dengan defence of alibi itu iaitu pihak pendakwa memohon 10 hari pemberitahuan terlebih dahulu, ini dipandangkan pada masa yang lampau iaitu kita tahu undang-undang ini kalau banyak, kata orang, ada lubang (loop-holes) hendaklah kita tampil dari masa ke semasa, sungguhpun dikatakan ia untuk menguatkan kes-kes pendakwa. Di sini saya suka menyatakan kerana alibi ini ialah satu jawapan yang menyatakan sese-

orang itu tidak ada di tempat yang berlaku itu masa berlaku. Misalnya, satu kecurian berlaku di Kuala Lumpur pada petang ini, tetapi dalam perbicaraan kelak dia kata dia pada masa itu ada di Kelantan dan ada 5 orang saksi menyatakan dia di Kelantan. Itu yang Pendakwa Raya memohon ada defence seperti itu atau jawapan yang seperti itu hendaklah diberitahu kepada Pendakwa Raya supaya pihak Polis dapat menyasat betul atau tidak. Kerana banyak berlaku perkara-perkara yang seperti itu kadang-kadang diterima oleh Mahkamah, kalau perkara itu tidak betul oleh sebab pandai dia mengatur antara 4 orang itu dengan sebab itulah satu daripada sebab-sebabnya banyak kes prosecution rabut, kata orang, terlepas. Tetapi masalah yang timbul, kata Yang Berhormat tadi, apa akan jadi berkenaan dengan 10 hari notice itu sekiranya defence akan dipanggil menjawab tuduhan. Satu daripadanya nampak pada saya betul terpaksa kes itu ditempokkan 10 hari atau hendak mengelakkan masalah itu timbul, pihak yang dituduh daripada siang-siang lagi boleh memberitahu kalau sekiranya dia akan dipohon menjawab tuduhan itu mengatakan dia ada defence of alibi dan beri nama-nama mereka itu. Kalau sekiranya perkara ini sukar juga pada masa akan datang saya akan bawa pindaan yang patut, kerana saya ini seorang manusia dan bukan semua undang-undang apabila kita buat itu betul semuanya dan hendaklah dipinda dari semasa ke semasa.

Tujuan pindaan ini ialah untuk memperbaiki acara perbicaraan jenayah untuk memperbaiki undang-undang ini, dalam memperbaiki itu adalah membuat satu dua pindaan yang boleh memperkemaskan lagi perbicaraan. Saya harap dengan pindaan-pindaan ini walaupun ada satu dua perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi melebihi pada Pendakwa dan mengurangkan peluang bagi yang didakwa, saya suka menyatakan di sini bahawa tujuan kita membuat undang-undang ini ialah hendak mendapatkan orang yang salah itu mesti didapati salah dan dihukum dan niat kita orang yang tidak bersalah itu kita hendak jaga baik-baik jangan disalahkan dan dihukum. Saya suka menyatakan di sini undang-undang yang ada sekarang ini walaupun yang ada di England, sebagaimana seorang Hakim telah berkata, di England sekalipun undang-undang yang ada sekarang ini adalah lebih memberi perlindungan dan menjaga hak-hak kepentingan yang dituduh dengan tidak menghirau dan juga yang akan mengorbankan kepentingan

rakyat jelata, harta dan kebebasan. Banyak undang-undang yang ada lebih mementingkan orang-orang yang dituduh ataupun penjenayah daripada faedah keselamatan orang-orang atau harta dalam negeri. Saya harap undang-undang yang ada pada masa ini seimbang dan tidak berat sebelah. Ada Ahli Yang Berhormat menyebutkan tadi undang-undang ini banyak bocor, banyak kelemahan, yang mana banyak yang dituduh itu lepas apabila dibicarakan. Saya fikir kalau masa ini 50% daripada 100% yang dibicarakan itu didapati salah sudah baik. Pada masa ini boleh dikatakan average 30% atau 40% sahaja yang dituduh itu didapati salah. Tetapi walau bagaimanapun, kita memberi peluang pada mereka untuk membela dirinya dan sekiranya tidak salah maka mereka tidak salah.

Demikianlah jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG WANG YANG TAK DITUNTUT (PINDAAN)**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.02 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Wang Tak Dituntut" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta ini telahpun dikuatkuasakan pada lhb Jun, 1975 tetapi dari segi praktikal telah didapati beberapa pindaan yang lain terpaksa dibuat untuk memperbaiki soal-soal pentadbiran yang berkaitan dengan undang-undang ini.

Adalah didapati umpamanya, borang yang diperuntukkan di dalam seksyen 10 (1) Akta ini tidak memuaskan dan dengan itu suatu borang yang baharu dan lebih baik telah disediakan. Tiap-tiap syarikat atau firma yang menyimpan wang-wang tak dituntut, adalah dikehendaki mendaftarkan wang-wang tersebut di dalam borang yang baharu itu.

Seksyen 10 (2) kepada Akta ini terpaksa juga dipinda supaya bersesuaian dengan Fasal 2 (b) kepada Rang Undang-undang ini untuk membolehkan Pendaftar Wang Tak Dituntut merekodkan semua wang-wang tak dituntut daripada berbagai-bagai badan yang berkaitan, sehingga akhir bulan Februari pada satu-satu tahun. Badan-badan ini juga dikehendaki untuk menyiarkan senarai daftar wang tak dituntut itu di dalam Warta Kerajaan pada bulan Mac tiap-tiap tahun.

Fasal 2 (1) kepada Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menambah bilangan borang-borang yang patut dihantar oleh syarikat-syarikat atau firma-firma yang berkenaan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut sebagai salinan-salinan tambahan untuk memenuhi keperluan pentadbiran biasa. Bagi perbadanan-perbadanan yang termasuk di bawah Akta Syarikat, semua senarai wang tak dituntut mestilah disahkan oleh seseorang "pegawai" dan bukannya seseorang "ahli" kepada perbadanan itu kerana perkataan "ahli" seperti yang difahamkan di bawah Akta Syarikat bermakna tiap-tiap pemegang saham.

Fasal-fasal 2 (e), 3 dan 4 kepada Rang Undang-undang ini adalah untuk membolehkan Pendaftar meninggikan lagi bayaran pemeriksaan (inspection fees) daripada satu ringgit kepada tiga ringgit dan bayaran denda juga ditinggikan daripada \$25 kepada \$50, \$50 kepada \$100 dan \$500 kepada \$1,000 tiap-tiap hari kerana penambahan dari segi bayaran denda ini difikirkan perlu untuk melaksanakan pentadbiran yang lebih berkesan terhadap Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.



**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN- WANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.08 ptg.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan), 1975 dibacakan bagi kali yang kedua.

Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971, sebagai yang terdapat sekarang ini, hanya membolehkan Anggota Perkhidmatan Awam, iaitu kakitangan Kerajaan, sahaja mendapat pinjaman wang perumahan di bawah Sekim Pinjaman Perumahan Kerajaan kerana undang-undang ini digubal bagi melaksanakan sekim pinjaman mengikut syor Lapuran Suruhanjaya Gaji Suffian. Tetapi kemudiannya Sekim Pinjaman itu telah juga dilanjutkan kepada Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik. Baharu-baharu ini Kerajaan telah menerima syor Suruhanjaya Gaji Harun melanjutkan juga kemudahan Sekim Pinjaman Perumahan kepada kakitangan Badan-badan Berkanun dan kakitangan Penguasa-penguasa Tempatan. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 supaya mereka yang disebutkan tadi, selain dari Anggota Perkhidmatan Awam,

boleh juga mendapat pinjaman wang dari Kumpulanwang Pinjaman yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.10 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Perua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan kerana bil ini akan dapat menolong kakitangan-kakitangan Kerajaan meminjam wang membina rumah untuk mereka sendiri tinggal dari sekarang sehingga mereka bersara kelak. Apa yang saya harap bil ini dipanjangkan pula kepada Ahli-ahli Parlimen termasuk Senator-senator.

Saya tahu bukan semua Ahli-ahli Parlimen dan Senator-senator yang kaya-raya, ada mempunyai harta atau mempunyai perumahan sendiri. Oleh itu, apa salahnya Bil ini meliputi Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya percaya bagi pihak Kerajaan tentu menjawab sebab-sebab tak termasuk Ahli Parlimen dan Senator sebab masa perkhidmatan mereka cuma 5-6 tahun sahaja. Itu tidak jadi soal sebab kerja-kerja Ahli Parlimen dan Senator tidak berwaktu, siang malam bekerja untuk kepentingan rakyat. Jadi masa yang 5-6 tahun sudah menjadi double, 10-12 tahun. Itu kerja mereka siang malam, wang poket keluar macam air, derma sana derma sini. Perkara ini patut Kerajaan timbangkan dan saya merayu supaya Bil ini termasuk Ahli-ahli Parlimen dan Senator-senator.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya atas Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

6.12 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan penuh kepada Bil yang ada di hadapan kita ini iaitu berhubung dengan peruntukan pinjaman perumahan.

Saya merasa bahawa Rang Undang-undang yang lalu itu adalah berbau mengikut kehendak pemerintah negeri ini iaitu penjajah cuma hendak melindungi, menolong kakitangannya sahaja dan dengan itu kakitangan Kerajaan pada masa itu dan pada masa ini

juga berhak meminjam wang kerana mendirikan perumahan. Dengan adanya pindaan ini termasuk Hakim-hakim, Menteri-menteri dan Setiausaha Parlimen, kakitangan badan berkanun dan penguasa tempatan, saya yakin dan percaya bahawa peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini pada Rancangan Malaysia Ketiga ini tak cukup kalau benar-benar hendak menolong, mengikut peruntukan undang-undang ini. Kerajaan mesti bertimbang rasa memberikan peruntukan yang lebih barulah benar-benar dapat dinikmati oleh mereka yang berkenaan, kalau tidak undang-undang ini akan menjadi sandiwara sahaja kepada mereka. Malahan pula pada masa ini barang-barang semuanya mahal.

Jadi dalam masalah pinjaman ini juga kami berharap bahawa Jabatan yang berkenaan memberikan pengurusan dan pentadbiran kepada mereka yang terlibat mendapat hak dari peruntukan undang-undang ini supaya diberikan dengan segera yang boleh dan jangan memakan masa yang sangat lama kerana dengan memakan masa yang lama itu akan menggagalkan juga maksud dan tujuan Rang Undang-undang ini.

Selain daripada itu, tadi telah diperkatakan oleh rakan sejawat saya kita Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan Negeri, sayang seribu kali sayang, Kementerian ini tidak mengambil tahu Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Negeri yang berkhidmat 5 tahun, mulai kami berkhidmat itu bolehlah ditawarkan kepada kami pinjaman samada hendak pinjam wang kerana buat perumahan atau tidak. Kalau hendak boleh pinjam dan membayar dalam masa 5 tahun, dan ada orang yang boleh bayar dalam masa 3 tahun. Ini peluang sebab kami juga tahu setengah Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Negara tidak mempunyai rumah gagah atau mahligai tetapi banyak yang marhen dan miskin seperti saya ini tetapi kalau diberi peluang mereka tidak akan lepaskan. Jadi saya harap kemurahan Kerajaan kepada orang-orang yang mentadbirkan negara ini cuba tolong fikirkan, jangan beri kakitangan Kerajaan sahaja, Ahli-ahli Dewan Negara inilah yang meluluskan wang yang diminta kerana peruntukan ini, maka kami ditinggalkan, alangkah malangnya. Ini Kerajaan patut kaji semula kerana bukanlah ramai bilangan Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan Negeri bahkan setengah negeri berupaya membuat peruntukan pinjaman untuk Ahli Dewan, kami ini yang mentadbirkan

negara ini. Jadi saya fikir satu masalah yang mungkin timbul bila mereka yang berkenaan ini mendapat hak dalam peruntukan Rang Undang-undang ini iaitu bila dapat wang pinjaman itu hendak buat rumah, di mana tempatnya mereka hendak buah rumah? Ini satu masalah yang besar yang dihadapi oleh kakitangan Kerajaan dan badan berkanun. Sebab mendapatkan tapak untuk bangun rumah ini bukan satu perkara yang senang pada masa ini.

Jadi, saya harap Kerajaan juga akan memberi kerjasama dan campurtangan dan mendapatkan kerjasama dari Kerajaan Negeri pada mendapatkan tapak perumahan bagi mereka yang berkenaan, sebab selagi tapak bagi bangunan rumah itu tidak didapati wang yang dipinjamkan kepada mereka itu juga tidak bererti. Ini satu perkara yang saya harap Menteri berkenaan dapat mengambil perhatian iaitu mendapatkan tapak perumahan itu. Dengan keadaan itu Rang Undang-undang ini akan benar-benar memberikan menafaat yang betul kepada pihak yang berkenaan.

*6.17 ptg.*

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang ini, kerana saya rasa sudah sewajarnya Kerajaan mengambil berat di atas kakitangan Kerajaan dan juga pegawai-pegawai yang ada hubungan ataupun kaitan dengan kerja-kerja Kerajaan ataupun kerja-kerja awam. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini pada petang ini sedikit sahaja iaitu berhubung dengan keadaan yang ada pada hari ini.

Saya banyak mendengar sungutan daripada sahabat-sahabat saya dari kalangan pegawai Kerajaan yang sangat berkehendakan rumah-rumah sendiri, tetapi oleh kerana tingkatan jawatannya kedudukan pangkat mereka tidak begitu tinggi masa ini maka hasrat mereka tidak tercapai. Sebab yang utama sekali ialah tingkatan atau had kebolehan mereka meminjam, misalnya, pegawai yang bergaji \$200-\$400 sebulan, mereka hanya dapat pinjaman antara \$15,000-\$16,000 sahaja dengan sebab gajinya kecil. Jadi, dengan keadaan yang ada pada hari ini sebuah rumah yang berharga \$16,000 dapatlah Ahli-ahli Yang Berhormat atau Tuan Yang di-Pertua sendiri bayangkan, setakat mana rumah itu. Saya rasa kalau di dalam bandar tidak ada rumah yang demikian

harganya, kecuali sebagaimana yang dirancangan oleh Kerajaan pada hari ini yang kita baca dalam surat khabar, dan lain-lain yang hendak membina rumah rakyat yang berharga \$4,000-\$5,000. Tetapi rumah yang sempurna itu, saya rasa hanya boleh didirikan di kawasan luar bandar sahaja, kerana keadaan tanah pada hari ini begitu melambung tinggi. Jadi bagi pegawai-pegawai yang berjawatan kerani dan sebagainya sukar mendapatkan rumah ini kerana mereka tidak dapat pinjaman yang boleh mencukupi bagi membeli sebuah rumah yang kebanyakannya lebih daripada \$20,000, itupun yang tidak berapa besar.

Perkara yang saya hendak sebutkan pada petang ini ialah merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya menaikkan had pinjaman ini sekurang-kurangnya 25% lagi daripada yang ada sekarang. Ini bererti kalau yang dahulu tingkatannya boleh meminjam \$16,000 ditambah 25% barangkali dalam \$4,000 lagi dia boleh dapat dalam \$20,000 dan begitulah seterusnya supaya membolehkan pegawai-pegawai rendah ini juga memiliki rumah sebagaimana pegawai-pegawai yang berjawatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saudara saya menyebutkan berkenaan dengan kelambatan memproses permohonan-permohonan ini. Daripada pengalaman saya sendiri saya juga biasa meninjau di jabatan yang berkenaan, saya pun merasa simpati dengan pegawai-pegawai di jabatan tersebut kerana kerja mereka sangat teruk. Keadaan permohonan yang berlambak-lambak sehari-hari ribuan surat-surat yang diterima oleh mereka, saya rasa tidaklah patut Kerajaan mengenakan sekatan membekukan jawatan kepada jabatan yang tersebut. Kalau dibekukan jawatan baru di jabatan-jabatan lain tetapi Jabatan Perumahan, Bahagian Pinjaman ini patutlah dibukakan. Saya nampak terlampau banyak kerja dan tidak berpadanan dengan pegawai yang ada. Jadi untuk menolong mencepatkan proses peminjaman perumahan ini eloklah ditambahkan lagi pegawai-pegawai di situ supaya dapat diatasi segala kelewatan-kelewatan yang ada.

Itulah sahaja sedikit sebanyak teguran saya.

6.23 ptg.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I cannot agree with some of my colleagues on the question that we should have housing loans for Members of Parliament from both the Dewan Rakyat and the Dewan Negara. I know people will say, "Datuk seorang warganegara keturunan Barat adalah orang kaya". Saya bukan orang kaya, tetapi saya menggunakan sedikit logic and the logic, Sir, is that Members of Parliament receive a tax-free allowance—they do not receive a salary. All the other people mentioned in this Bill, as far as I can see, are salaried persons with high ranks and all are, I think, paying tax on their salaries. But we do not pay tax upon the allowance we receive. Therefore, I think it would be extremely difficult to give loans to people with a tenure of office of five/six years, depending on how long they are returned to office, and only on an allowance. That is my contention in disagreeing. I fully support the Bill as it stands.

6.24 ptg.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini dan saya juga seperti Datuk Crawford tidak bersetuju yang Ahli-ahli Parlimen dimasukkan di dalam senarai ini, tetapi apa yang saya bersetuju dan saya minta pemerhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kenapakah Perkhidmatan Parlimen tidak dimasukkan di bawah skim ini. Saya tidak tahu samada takrif mereka ini dimasukkan di bawah takrif Anggota Perkhidmatan Awam atau tidak, rasa saya sebahagian daripada petugas di sini adalah dihantarkan ke mari sebagai secondment, tetapi kebanyakan mereka itu tidak menjadi Ahli Perkhidmatan Awam.

Saya nampak di bawah Fasal 2 berkenaan dengan pindaan Seksyen 5 (a) ini disebutkan:

"5. (a) (i) seorang anggota perkhidmatan awam, lain daripada perkhidmatan awam bagi sesuatu Negeri, yang disebutkan dalam Perakara 132 Perlembagaan Persekutuan;"

Ini termasuklah kakitangan Kerajaan seperti Tentera, Polis, Education Service, tetapi saya tidak nampak dimanakah terletaknya Perkhidmatan Parlimen. Adakah pegawai-pegawai kita terkecuali daripada keuntungan yang boleh dinikmati di bawah undang-undang ini? Saya rasa kalau begini tidak patut. Kita juga sebagai Ahli-ahli Parlimen bertanggungjawab

kepada kebaikan pekerja-pekerja kita dan jikalau kita tidak dapat jaminan daripada Menteri yang pegawai-pegawai Parlimen kita juga boleh menerima nikmat, saya rasa mungkin kita tidak luluskan undang-undang ini. Peruntukan bagi hakim-hakim, rasa saya itu menasabah, kerana hakim-hakim ini boleh dianggapkan orang yang selalu tidak boleh berdamping rapat sangat dengan orang ramai, jadi mereka hendak pinjam duit daripada bank pun susah, eloklah kita buat peruntukan supaya membolehkan mereka meminjam wang untuk membeli rumah daripada tabung ini.

Akhirnya saya suka menyentuh sedikit dari segi kedudukan perumahan umumnya. Kita tahu semua rakyat berminat untuk mempunyai atau memiliki sebuah rumah dalam masa hidupnya untuk dia dan keluarganya. Kita telah membuat peruntukan untuk kakitangan Kerajaan atau kakitangan badan berkanun dan sebagainya. Rasa saya masanya sudah sampai untuk Kerajaan memikirkan satu dasar yang luas untuk membolehkan semua rakyat samada kakitangan Kerajaan atau tidak untuk memiliki rumah. Sekarang ini tugas-tugas itu diserahkan kepada bidang

swasta. Bidang swasta terutama sekali untuk orang yang berpendapatan rendah, bidang swasta ini tidaklah begitu menguntungkan bagi mereka. Ada badan-badan umpamanya badan-badan berkanun negeri seperti State Development Corporation yang cuba mengadakan rumah-rumah murah untuk orang ramai. Rasa saya pekerjaan semacam itu adalah pekerjaan sambilan sahaja. Masanya sudah sampai rasa saya bagi Kementerian, kalau tidak salah saya kita ada Kementerian dan ada Menterinya untuk mengkaji satu dasar yang meluas meliputi sebagaimana saya katakan tadi kesemua sekali, bukan sahaja untuk pegawai Kerajaan tetapi untuk orang ramai yang lain yang hendakkan rumah ini.

Itulah sahaja pandangan saya dan saya sokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 6hb Januari, 1976.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*